

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 193 ● 2 - 8 DISEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)  [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)  [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)  [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)  [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)

Permintaan PM Anwar kepada 1.6 juta penjawat awam Bantu bawa perubahan



PERDANA Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta sokongan penuh daripada semua 1.6 juta penjawat awam di Malaysia dalam usaha beliau membawa perubahan yang dijanjikan kepada rakyat.

Berucap pertama kali dalam perhimpunan bulanan bersama kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana Putra di Putrajaya pada Selasa.

Anwar, 75, menyeru penjawat awam yang merupakan tulang belakang pentadbiran kerajaan

persekituan supaya berganding bahu untuk bangkit semula melakukan perubahan dalam usaha memaju dan membangunkan negara berikutan kemelut ekonomi dan politik yang menyebabkan ketidakstabilan negara.

Pada masa sama, beliau akan menasihati rakan dalam kabinet yang bakal dipilih untuk menghormati pengalaman dan pandangan daripada penjawat awam kerana mereka merupakan tunggak perkhidmatan awam yang membantu dalam melaksanakan perubahan untuk negara. **BACA LAGI MUKA 2**

DATUK Seri Anwar Ibrahim bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana Putra, Bangunan Perdana Putra baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun.
Foto:SADIQ ASYRAF/Pejabat Perdana Menteri



Arena Sukan KL Pusat sehenti sukan bertaraf antarabangsa
>> 9, 10 & 11



Menteri diingatkan hormati sistem perkhidmatan awam - PM Anwar

AZLAN ZAMBRY

MENTERI yang bakal dilantik dalam masa terdekat diingatkan supaya menghormati sistem perkhidmatan awam yang merupakan tuntutan dalam pentadbiran kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata menteri dan penjawat awam saling memerlukan kerana masing-masing memiliki kepakaran khusus untuk digunakan dalam menguruskan pentadbiran kerajaan dan perlu mendengar pandangan dari pegawai yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran tertentu.

"Saya alami pengalaman di banyak kementerian, kebudayaan, belia dan sukan, pertanian, pendidikan dan kewangan.

"Di beberapa institusi itu, saya boleh manfaat. Pertamanya mendengar pandangan daripada pegawai, penjawat awam terutama yang mempunyai pengalaman lama dalam bidang pengkhususan mereka.

"Kalau pun saya membuat beberapa cadangan balas atau teguran, hanya setelah saya menghadap apa yang telah berlaku berdasarkan pengalaman mereka," ketika berucap pada perhimpunan bulanan di Dataran Perdana Putra di Putrajaya pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki

Ali dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun.

Menjelas lanjut, beliau berkata perkara itu dinyatakan bagi memastikan perkhidmatan awam dapat melaksanakan tugas mengikut landasan tepat, tanpa sebarang kacau ganggu daripada mana-mana pihak.

"Perkhidmatan awam seharusnya bebas, bersikap profesional serta terikat kepada semangat ikrar perkhidmatan untuk menjadi manusia yang berguna kepada keluarga dan masyarakat.

"Saya manfaatkan waktu ini untuk menyeru dan merayu kerana saya tahu kelemahan pimpinan ini kadang-kadang dia terlalu yakin. Dia merasakan hanya berjaya dengan arahan tetapi tidak menjadikan contoh yang baik.

"Jadi kita harus sama-sama bertekad untuk berbuat sesuatu," katanya.

Beliau juga berharap semua kepimpinan tertinggi dalam perkhidmatan awam dapat memahami bahawa keadaan tidak lagi sama seperti sebelum ini, sebaliknya ia perlu berubah dan ia hendaklah bermula daripada pemimpin dalam kementerian dan jabatan kerajaan itu sendiri.

"Kita berharap semua kepimpinan penjawat awam bekerja dan berdisiplin selain menganggap semua kelonggaran



ANWAR menyampaikan ucapan semasa hadir pada Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Perdana Putra. Foto: SADIQ ASYRAF/Pejabat Perdana Menteri

dan kecuaian yang berlaku sebelum ini sebagai sejarah lama. Bukan maksud saya untuk mengorek kisah lama. Tidak. Saya tidak berminat," katanya.

Perdana Menteri juga menyeru 1.6 juta penjawat awam agar bersama-sama melakukan perubahan dalam usaha memaju dan membangunkan negara.

Katanya, tidak seperti pada waktu sebelum ini, ekonomi negara berada dalam keadaan kemerosotan dan ketidakstabilan yang dikatakan ada kaitan dengan kelemahan pimpinan serta kaitannya dengan peringkat penjawat awam.

"Saya harap ini satu permulaan baru. Negara ini memerlukan perubahan untuk ke tahap yang pernah kita capai dulu malangnya merosot balik ekonominya, baik kestabilannya ataupun disiplinnya.

"Tentunya Tan Sri Peguam Negara (Idrus Harun) tahu mengenai pelanggaran hukum termasuk isu-isu penyelewengan dan rasuh yang kadang-kadang juga ada kaitannya kerana kelemahan pimpinan serta kaitannya dengan peringkat penjawat awam.

"Jadi saya ambil kesempatan ini untuk mengajak saudara dan saya

merayu supaya bersama dalam minat, semangat untuk membawa islah atau perubahan ke arah kebaikan," katanya.

Beliau juga akan menasihati rakan dalam kabinet yang bakal dipilih untuk menghormati pengalaman dan pandangan daripada penjawat awam.

Katanya, andaian bahawa beliau sebagai Menteri Kewangan tidak akan dapat dicapai tanpa tunggak perkhidmatan awam yang membantu.

Sementara itu, Anwar berkata beliau akan turun ke setiap jabatan untuk mendapatkan nasihat dan pandangan daripada penjawat awam.

Justeru, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan menjadikan perhimpunan bulanan dengan penjawat awam satu-satunya saluran untuk memperoleh input berkenaan.

"Saya berhajat *insya-Allah* tidak hanya menggunakan majlis seperti ini (perhimpunan bulanan). Tetapi saya akan turun ke jabatan.

"Jangan ingat saya nak check (periksa). Itu kerja KSN (Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali).

"Saya pergi untuk kenal, mendapatkan nasihat dan pandangan kerana hanya dengan ini, menganggap satu keluarga. Baru kita boleh bekerja sebagai satu pasukan," katanya. WK

Pembentukan kerajaan baharu perlu berteras lima asas Rukun Negara

PEMBENTUKAN kerajaan yang baharu seharusnya berprinsipkan kepada lima asas Rukun Negara yang mengandungi teras dalam mengekalkan keharmonian dan keamanan di negara ini.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye berkata selain memfokuskan isu ekonomi, kos sara hidup dan rasuh seperti yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pembentukan kerajaan juga perlu mementingkan asas perpaduan.

"Ini kerana untuk menjadi sebuah negara yang kuat dan stabil, paling penting rakyat mesti ada perpaduan. Apabila perpaduan dalam kalangan rakyat kukuh, sudah pasti sesebuah negara itu akan membangun ke tahap yang cemerlang," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Lee berkata apabila menyebut tentang perpaduan, perkara itu mesti kembali kepada asas iaitu Rukun Negara dan berharap prinsip-prinsip itu menjadi panduan dalam membentuk kerajaan baharu nanti.

"Kalau kita berpegang teguh



RUKUN Negara bukan sekadar lafadz tetapi perlu dihayati dan amal. - Gambar fail

prinsip Rukun Negara, saya anggap itu sebagai pendekatan paling baik dan betul ke arah dalam membentuk kerajaan perpaduan yang kukuh dan boleh berusaha kepada arah keharmonian negara," katanya.

Dalam pada itu, Lee berkata rakyat juga perlu menghayati Rukun Negara bagi melahirkan seorang warganegara Malaysia yang cemerlang.

"Kita tidak boleh melupakan kepentingan lima matlamat yang

terkandung dalam teks penuh Rukun Negara yang meletakkan mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan warganegara sebagai matlamat yang pertama," katanya.

Menurut Lee, sekiranya rakyat Malaysia menghayati matlamat dan prinsip berkenaan, sudah pasti ia akan mampu melahirkan masyarakat yang menjawai semangat kewarganegaraan Malaysia yang sepenuhnya. - BERNAMA

Perkhidmatan awam komited laksana agenda pembaharuan dibawa PM Anwar - KSN

WARGA perkhidmatan awam teguh dan komited untuk melaksanakan agenda pembaharuan yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim demi kepentingan rakyat dan negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata beliau bersama rakan-rakan perkhidmatan awam akan melaksanakan agenda pembaharuan islah iaitu perubahan ke arah kebaikan demi negara.

"Insya-Allah, saya dan rakan-rakan perkhidmatan awam teguh dan komited dalam melaksanakan agenda pembaharuan (islah) yang dibawa oleh Perdana Menteri dalam memastikan tata kelola yang terbaik demi kepentingan rakyat dan negara," katanya dalam hantaran di Facebook

rasminya pada Selasa.

Beliau turut berkongsi gambar sesi amanat dan perutusan Perdana Menteri bersama ketua-ketua setiausaha dan ketua perkhidmatan di Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Anwar sebelum ini meminta penjawat awam bekerjasama dengan kepimpinan kerajaan bagi membawa perubahan agar negara kembali ke zaman kegemilangannya.

Pada perjumpaan pertamanya bersama warga Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada 24 November lepas, Anwar berkata penjawat awam perlu membawa semangat islah iaitu perubahan ke arah kebaikan demi negara. - BERNAMA



MOHD ZUKI

JKPTG sedia Garis Panduan Penyeragaman Format Laporan Tanah

Elak ketidaktepatan maklumat tanah

SABRINA SABRE

JABATAN Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) melancarkan Garis Panduan Penyeragaman Format Laporan Tanah mengikut urusan permohonan di bawah perundangan berkaitan tanah dan penggunaannya di semua pentadbiran tanah Semenanjung Malaysia.

Menurut Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, pihak JKPTG telah banyak melakukan transformasi perkhidmatan awam terutamanya pindaan kepada undang-undang berkaitan tanah dan pekeliling KPTG supaya dapat mengikuti kehendak pembangunan dan perundangan semasa.

"Antaranya, garis panduan terbaru yang dikeluaran oleh JKPTG yang berkait rapat dengan penolong pegawai tanah di mana dia disediakan bagi mengelakkkan insiden kekurangan dan ketidaktepatan maklumat berkaitan tanah berlaku.

"Ia juga merupakan salah satu



MUHAMMAD AZMI

usaha untuk memastikan penyediaan laporan tanah yang disediakan oleh pegawai petempatan atau penolong pegawai tanah adalah lengkap, mudah dan telus," katanya dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwitahunan Kali Ke-44 Kesatuan Penolong Pegawai Tanah Semenanjung Malaysia (KPPTSM).

Tambah beliau, garis panduan tersebut wajar dijadikan rujukan dan panduan dalam penyediaan laporan tanah yang berkualiti selain membantu dalam membuat keputusan yang melibatkan urusan tanah terutamanya pelupusan dan pembangunan sesuatu tanah sama ada bagi pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, syarikat swasta dan individu.

"Dokumen laporan ini amat penting kepada pentadbir tanah, pengarah negeri dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi mengetahui status tanah, keadaan fizikal tanah, aktiviti atas tanah, kawasan pilihan raya, cadangan pelan dan lain-lain perakuan bagi memastikan keputusan yang akan dibuat adalah yang terbaik, tepat



LEBIH 400 pegawai dan kakitangan JKPTG menghadiri Mesyuarat Agung Dwitahunan Kali Ke-44 KPPTSM bertempat di Dewan Damar Sari, Presint 1, Putrajaya.

dan sesuai dengan keadaan dan pembangunan sesebuah kawasan.

"Laporan yang salah atau tidak tepat akan memberikan kesan negatif kepada kerajaan seperti disaman dan berhadapan dengan tuntutan ganti rugi di mahkamah," jelas beliau.

Selain itu, Muhammad Azmi memaklumkan penambahbaikan untuk penggunaan teknologi ke arah transformasi pentadbiran tanah secara digital dibuat secara berterusan selaras dengan keperluan ekonomi

"Dalam mengharungi perubahan dan peredaran era globalisasi ini, sifat jati diri dan daya saing yang tinggi sepatutnya ada di dalam jiwa kita semua. Sifat dan sikap sebegini yang seimbang dan selari dengan sifat positif di dalam diri akan dapat membentuk seorang insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberi," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap mesyuarat tersebut dapat menambah input kepada kesatuan dari segi pengetahuan dan kebajikan dalam kalangan ahli dan kepada bidang tugas dalam pentadbiran tanah terutamanya dari segi pembangunan modalinsansertamempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Terdahulu, majlis itu turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Sektor Penyelaras dan Operasi, Datuk Mohd Haniff Hassan; Bahagian Pengurusan dan Perundungan Tanah (BPPT), Jaiya Abu; Pengarah Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, Tengku Rohana Tengku Nawawi; Naib Presiden KPPTSM, Mohamad Nizam Alias; Pengurus Perhubungan JKPTG, Shahrul Azhar Chek Hat dan barisan ahli-ahli jawatankuasa kerja pusat KPPTSM. **WK**

Banjir kilat: PPj sedia petugas kawal limpahan air hujan

AKHIR-AKHIR ini limpahan air hujan yang turun dengan lebat dan mendadak menyebabkan beberapa jalan dinaiki air di pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya.

Berikut itu, Perbadanan Putrajaya (PPj) bersiap sedia dengan pasukan khas (*task force*) untuk membantu mengawal limpahan air hujan tersebut dengan lebih berkesan.

Pihak PPj telah mengenal pasti beberapa kawasan berisiko banjir kilat iaitu di Presint 18 berdekatan stesen minyak, Lebuh Wadi Ehsan, Presint 19 serta terowong Presint 5 dan telah menggerakkan pasukan petugas ke lokasi terbabit untuk tindakan awal bagi mengelak berlaku banjir kilat.

Jurucakap Unit Komunikasi PPj berkata tindakan serta-merta pasukan petugas perbadanan itu berjaya mengawal aliran dan limpahan air hujan di saluran longkang serta jalan raya bagi mengelak berlaku banjir kilat terutama di kawasan rendah.

"Beberapa kawasan dikenal pasti telah kembali normal dan siap dibersihkan pasukan petugas PPj serta Alam Flora Sdn Bhd," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya, **Mohd Afizi Zolkifli** berkata pihaknya telah menggerakkan anggota untuk melakukan rondaan di beberapa kawasan terjejas banjir kilat di sekitar pusat pentadbiran kerajaan



PEMANTAUAN keadaan lapangan giat dilakukan pasukan 'Task Force' PPj di kawasan air bertakung Presint 11, Putrajaya akibat hujan lebat baru-baru ini.

Persekutuan itu.

"Pemantauan melalui kamera litar tertutup sentiasa dibuat dan rondaan kawasan oleh pasukan sedang dijalankan. Saya percaya pasukan petugas Perbadanan Putrajaya (PPj) pun sedang dan telah membuat pemantauan," katanya.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner A Asmadi

Abdul Aziz berkata pihaknya menerima laporan kejadian banjir kilat di kawasan terowong Presint 5 namun kejadian itu berjaya diselesaikan dengan tindakan pantas daripada pasukan petugas PPj dan JBPM.



ANGKATAN Pertahanan Awam (APM) membersihkan inlet longkang di kawasan banjir berdekatan Presint 11.

"Kita ada terima laporan kejadian banjir kilat di beberapa lokasi di Putrajaya tapi ia sudah surut. Sebarang perkembangan boleh rujuk di laman sosial Facebook JBPM dan PPj," katanya. **WK**

Program Jualan Murah
#KELUARGA MALAYSIA

PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
LOKASI PROGRAM
DISEMBER 2022

3 - 4 DISEMBER 2022 & 10 - 11 DISEMBER 2022
FAMILY SHOPPING MART (KG SG BEDAUN)
MILIMEWAH (BANDAR)
HAP HUAT SUPERMARKET (KG DURIAN TUNJUNG)

***LAYANGAN SUPERSTORE (3 - 4 Dis 2022 sahaja)**

17 - 18 DISEMBER 2022
EMPORIUM LABUAN (KG PATAU-PATAU)
AGRO BAZAR (KG. PANTAI)
NEW CHIP GUAN (TAMAN RANCH RANCH)

www.pl.gov.my #KeluargaMalaysia #LabuanDiHatiKu #MyLabuan Perbadanan Labuan

Larangan penggunaan plastik di semua premis DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguatkusakan larangan penggunaan plastik sekali guna di semua premis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menghapuskan penggunaan bahan tidak terbiodegradasi menjelang tahun 2030.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata inisiatif itu adalah untuk memupuk sikap kaktangan DBKL dalam mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

"Pekerja DBKL boleh menjadi contoh kepada warga Kuala Lumpur yang lain sebelum inisiatif ini dapat diperluaskan ke seluruh bandar raya.

"Ini adalah sebahagian daripada pelan tindakan kami untuk menghapuskan penggunaan plastik sedemikian menjelang 2030," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Reverse Reverse Vending Machine (RRVM) di Menara DBKL 1, Jumaat lalu.

Larangan tersebut bermakna kaktangan DBKL tidak boleh lagi membawa plastik sekali guna ke tempat kerja, termasuk beg dan



MAHADI (kiri) melakukan demonstrasi memasukkan botol plastik ke dalam RRVM sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank, Datuk Sulaiman Tahir di Menara DBKL Jumaat lalu.

pembungkus makanan daripada perkhidmatan penghantaran.

Ia juga dikenakan kepada operator perniagaan di Menara DBKL 1 dan 2 di Jalan Raja Laut, serta di Menara DBKL 3 di Kampung Baru.

Mahadi menyatakan bahawa 40 peratus daripada sisa yang dijana di premis DBKL terdiri daripada plastik sekali guna dan kebanyakannya

sisa ini boleh dikitar semula dan arahan tersebut turut terpakai kepada pembekal makanan untuk acara dalaman DBKL.

Sementara itu, Pelancaran 'Reverse Reverse Vending Machine' adalah kerjasama dengan Kumpulan AmBank dan Orie Engineering Sdn Bhd bagi membolehkan pengguna boleh mendepositkan barang

kitar seperti bola plastik kecil sebagai pertukaran 5 sen, yang akan dikreditkan ke dalam akaun mereka melalui QR Pay.

Ketua Pegawai Eksekutif AmBank, Datuk Sulaiman Mohd Tahir berkata bank itu telah ber-setuju untuk menaja sebanyak RM50,000 untuk menjayakan Program RRVM yang pertama kali dilancarkan di ibu negara.

Beliau berkata ini adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) untuk membantu DBKL dalam usaha hijaunya untuk ibu kota.

Barangan kitar semula yang diterima oleh mesin termasuk botol plastik terpakai, tin makanan dan minuman, serta kotak jus.

DBKL pada 1 Jan 2020 telah menguatkusakan larangan penyedut minuman plastik di bawah Akta Majlis Tempatan 1976 untuk meningkatkan usaha menentang produk plastik sekali guna.

Dasar tersebut dilaksanakan selepas arahan mengenai penggunaan wajib plastik biodegradasi untuk pembungkusan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. **W.K.**

Indeks jenayah kekerasan turun, komersial meningkat

STATISTIK jenayah indeks tahun lalu didapati menurun 19.3 peratus kepada 52,974 kes berbanding 65,623 kes pada tahun sebelumnya, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurutnya, jenayah indeks terdiri daripada jenayah kekerasan serta jenayah harta benda dan kedua-dua jenayah ini menunjukkan penurunan iaitu masing-masing 13.4 peratus dan 20.8 peratus kepada 11,495 kes dan

41,479 kes pada 2021.

"Antara punca kes jenayah lebih rendah adalah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana sekatan aktiviti sosial dan rentas sempadan daerah dan negeri dikenakan.

"Selain itu, aktiviti penguatkuasaan lebih ketat oleh pihak berkuasa dan kesedaran masyarakat dalam meningkatkan perlindungan daripada ancaman jenayah," menurut laporan

juga ramai tenaga kerja lulusan kolej atau pusat pengajian tinggi yang masih mencari kerja.

Pelbagai perkara dijanjikan pemimpin politik ketika berkempen, khususnya dalam usaha mengurangkan kos sara hidup akibat kenaikan harga barang. Inilah waktu untuk para pemimpin yang telah membentuk kerajaan menterjemah janji kempem kepada realiti.

Sehubungan itu, kawan-kawan Kedai Kopi juga berharap pihak yang menjadi pembangkang turut memainkan peranan membantu kerajaan dengan melaksanakan fungsi semak dan imbang atau *check and balance* dengan berkesan.

Diharap pembangkang memainkan peranan ini dengan positif demi kebaikan bersama. Mudah cakap, menjadi pembangkang yang membina. Yang baik sama-sama dijunjung, yang perlu ditegur atau diperbaiki berilah pandangan bernes.

Pihak kerajaan pula hendaklah mendengar suara hati pembangkang dengan terbuka serta berbincang tentang kebaikan bersama. Selagi semangat ukhuwah ini sentiasa terjalin, kawan-kawan Kedai Kopi percaya matlamat mencapai Malaysia lebih maju dan gemilang akan tercapai.

Hasrat ini akan lebih mudah menjadi kenyataan jika semua pihak besar hati berkordan serta bekerjasama mencari persamaan dalam perbezaan untuk memudahkan lagi segala program untuk kemajuan negara dan kemakmuran rakyat membawakan hasil diharapkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya semua mahukan kehebatan negara yang pernah dicapai

itu.

Sementara itu, bilangan kes jenayah komersial yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2021 meningkat 15.3 peratus kepada 31,490 kes berbanding 27,323 kes pada tahun sebelumnya.

Bagi jenayah komersial, kes tertinggi direkodkan adalah kes tipu dengan 91.6 peratus (28,842 kes) daripada 31,490 kes, diikuti kes pecah amanah (942 kes), kes kesalahan

negara sebagai Harimau Asia sebelum ini akan kembali. Kita ingin nama harum yang pernah dicipta Malaysia di arena antarabangsa berulang. *Insy-Allah* berkat kerjasama semua pihak, matlamat ini boleh dicapai.

Skuter, moped di jalan KL?

MUNGKINKAH tidak lama lagi skuter dan moped (basikal berenjin) akan memenuhi bandar raya Kuala Lumpur sebagai kaedah pengangkutan bagi memudahkan pergerakan orang ramai di ibu negara?

Ketika ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan kajian kemungkinan mengenai perkara tersebut. Memetik Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, skuter dan moped banyak digunakan sekarang. Cuma ia belum dibenarkan diguna secara rasmi di jalanan ibu negara.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, pejalan kaki dan basikal sahaja dibenarkan menggunakan lorong tepi (*sidewalk*) dengan laluan khas disediakan. Bagaimanapun moped tidak dibenarkan di atas jalan di Malaysia kerana tidak memenuhi keperluan undang-undang trafik.

Kerana itulah kini DBKL menjalankan kajian dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta pakar perancang bandar bagi kesesuaian penggunaan skuter dan moped di ibu negara. Tambah lagi penggunaannya sudah popular di beberapa bandar raya lain dunia.

Namun sebelum keputusan muktamad

di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (847 kes), jenayah siber (400 kes) dan kes wang palsu (204 kes).

Menurut laporan itu, bilangan kes dan tangkapan dadah yang dilaporkan PDRM susut pada 2021 masing-masing 11.2 peratus dan 11.3 peratus kepada 108,220 kes dan 129,604 tangkapan, namun bilangan kes membekal dadah naik kepada 25,277 tangkapan berbanding 23,536 tangkapan pada 2020. **W.K.**

diambil, kajian teliti dan menyeluruh perlu, terutama yang berhubung dengan aspek keselamatan penggunaannya. Ini kerana terdapat laporan mengenai kemalangan melibatkan pengguna skuter dan moped ini.

Juga perlu diambl kira ialah sama ada kehadiran 'kenderaan kecil' ini boleh mendatangkan masalah kepada pengguna jalan raya lain, terutama pemandu kenderaan seperti kereta, bas dan sebagainya.

Perlu diakui sama ada jika skuter dan moped banyak di jalan raya, tidakkah ia mendatangkan kes negatif kepada pergerakan lalu lintas di ibu negara yang memang sentiasa sesak.

Jika skuter atau moped dibenarkan, ia dijangka akan menggunakan lorong berbasikal yang ada sekarang. Kerana itu menurut Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL, Yu Chuan Hock, aspek keselamatan penggunaan skuter dan moped di laluan tersebut dititik berat.

Sehubungan itu, kajian kemungkinan yang dijalankan bersama UTM dan pakar perancang bandar akan juga melibatkan perbincangan serius dengan agensi penguatkuasa undang-undang seperti polis dan pihak berkuasa pengangkutan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Nampaknya kepada penggemar skuter atau moped perlu menunggu untuk mengetahui sama ada ia dibenarkan bergerak di ibu negara atau sebaliknya. Tiada jangka waktu dinyatakan oleh DBKL mengenai berapa lama kajian akan diambil. Sehingga itu bersabarlah.

CERITA KEDAI KOPI

Masa untuk bergerak maju

PILIHAN Raya Umum (PRU) ke-15 sudah dua minggu berlalu. Keputusan sudah diketahui dan Perdana Menteri Malaysia ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sudah dilantik. Beliau bersama barisan kabinetnya akan mentadbir negara untuk tempoh lima tahun akan datang.

Namun sehingga kini kawan-kawan Kedai Kopi dengan sembang politik masih terus hangat. Masih ada kata mengata walaupun mungkin tidak sehebat ketika musim kempen PRU lalu. Bagai rumah siap pahat masih berbunyi.

Rasanya setelah kerajaan pasca PRU-15 dibentuk, eloklah dikurangkan cakap-cakap politik. Para pemimpin politik, penyokong dan rakyat keseluruhan harus sama-sama memandang ke hadapan memastikan kesejahteraan negara dan kemakmuran rakyat.

Negara telah melalui fasa sukar, khususnya pasca COVID-19. Usaha perlu ditumpukan untuk memastikan ekonomi negara terus kembali rancak setelah membeku ketika COVID-19. Ramai rakyat hilang pekerjaan akibat tempis COVID-19 menyebabkan kehidupan menjadi sukar.

Kerana itulah masanya untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan bukan sahaja untuk mereka yang terjejas akibat COVID-19 tetapi



cuti-cuti MALAYSIA®

jomhomestay

DAPATKAN!
REBAT

Dari RM50
Hingga RM300

*Tertakluk pada terma dan syarat

Tempoh promosi adalah dari
1 Nov - 31 Dis 2022

Inisiatif oleh Kerajaan Malaysia

www.jomhomestay.my

www.malaysia.travel



TOURISM
MALAYSIA®





KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SEINGAT saya yang sudah hampir 40 tahun menetap di Kuala Lumpur, kesesakan terus menjadi satu daripada identiti atau tanda pengenalan bandar raya ini. Ketidaklancaran trafik sentiasa menjadi igauan ngeri kepada mereka yang saban hari berulang-alik ke tempat kerja.

Mereka tidak ada banyak pilihan – terpaksa menempuh juga keadaan yang sebenarnya mengambil banyak masa dalam kehidupan. Dalam satu kajian, warga Kuala Lumpur secara purata menghabiskan hampir empat jam sehari dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja.

Sebenarnya tanpa dapatan daripada kajian itu pun, perjalanan yang mengambil masa sedemikian bukan suatu yang luar biasa. Dalam jarak yang pada relatifnya dekat sekalipun terpaksa menghabiskan masa yang banyak kerana kerena trafik.

Kesan daripada keadaan trafik yang tidak lancar ini boleh memberikan gangguan daripada aspek produkifiti, tidak kira dalam sektor awam atau swasta. Hal ini kerana kemampuan manusia ada had-had tertentu. Tentulah sangat menjelaskan stamina untuk bekerja apabila sudah menghabiskan masa terlalu lama dalam perjalanan.

Sebenarnya keadaan seperti ini sudah berlaku 40 tahun lalu. Akan tetapi 40 tahun kemudian juga keadaannya hampir sama apabila ada yang keluar bekerja sebelum waktu subuh. Tentulah ada sesuatu yang perlu diperbetulkan sekalipun kerajaan telah memperlihatkan iltizam tinggi mewujudkan sistem pengangkutan awam yang moden dan canggih.

Kesesakan terutama pada waktu puncak sebelah pagi dan petang memberikan penyeksaan yang tidak tertanggung. Bukan setakat bergerak perlahan malah ada kalanya terhenti sepenuhnya.

Sekalipun begitu banyak juga yang terpaksa membuat persiapan mental dan fizikal untuk terperangkap dalam kesesakan. Malah telah memperuntukkan beberapa jam untuk berada dalam kereta pada jarak pemanduan yang dekat. Disebabkan terpaksa, maka banyaklah kereta yang menyusur di perut Kuala Lumpur.

Ada pengguna yang rutin mereka lebih memilih motorsikal berbanding kereta untuk pergi dan balik kerja. Akan tetapi

Pertingkat kecekapan pengangkutan awam

motorsikal pula berdepan dengan hujan dan panas walaupun dapat bergerak lebih pantas. Ketidaksesuaian ini juga membuatkan kereta menjadi pilihan utama.

Tentunya tidak dapat hendak membayangkan sekiranya ketika ini ditiadakan semua sistem pengangkutan awam itu. Pengguna yang berjumlah beratus ribu orang itu sudah pasti akan menyesakkan Kuala Lumpur dengan kereta yang sekali ganda jumlahnya.

Kebergantungan pada sistem pengangkutan awam sangat tinggi. Lihat sahaja apabila LRT laluan Kelana Jaya dan Ampang Park dihentikan selama seminggu baru-baru ini. Setiap hari lebih 200,000 pengguna terpaksa mencari pilihan lain untuk ke tempat kerja.

Itu hanya melibatkan beberapa stesen sahaja. Bukan sepanjang laluan atau semua sistem pengangkutan awam. Bayangkan disebabkan beberapa stesen sahaja yang ditutup, sebahagian warga Kuala Lumur sudah bercempera. Rutin hidup lebih kurang 200,000 pengguna terjejas malah terpaksa menanggung belanja pengangkutan yang lebih besar.

Populasi Kuala Lumpur terus bertambah dengan rancaknya pertumbuhan kawasan kediaman termasuk di Lembah Klang. Ini menyumbang meningkatnya pergerakan dalam kalangan warga Kuala Lumpur.

Masalah kesesakan di Kuala Lumpur ini memerlukan tindakan segera. Pentadbir Kuala Lumpur perlu melihat secara menyeluruh akan kekangan untuk mengurangkan kesesakan. Masa yang sama meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam.

Sekalipun sistem pengangkutan awam yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Lembah Klang dianggap yang termoden, akan tetapi tidak boleh berpuas hati pada setakat itu sahaja. Hal ini kerana penggunaan pengangkutan awam adalah suatu yang dinamik. Teknologi satu hal dan ekosistem pula satu hal yang lain.

Kedua-dua ini – teknologi dan ekosistem adalah sama penting. Tidak bermakna kalau



INISIATIF terhadap bentuk galakan kepada masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam perlu dipertingkatkan supaya stigma 'hanya orang tidak mampu' sahaja menggunakan pengangkutan itu dihapuskan.

hanya memberikan tumpuan pada menyediakan teknologi yang canggih kalau masa yang sama tidak mempertingkatkan ekosistem berkaitan dengannya.

Kesesakan di Kuala Lumpur memperlihatkan masih banyak yang tidak menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Hal ini berbeza dengan beberapa kota maju dan sederhana di dunia di mana pengangkutan awam menjadi suatu yang utama.

Memang benar kita sudah ada sistem pengangkutan canggih seperti LRT, komuter dan MRT. Akan tetapi ekosistem yang menyokong khidmat pengangkutan itu memerlukan banyak penambahbaikan. Misalnya menambah baik khidmat bas pengantara ke stesen sistem perkhidmatan awam berkenaan.

Tidak semua orang yang berurusan atau bekerja di Kuala Lumpur tinggal di kawasan kediaman berhampiran stesen. Disebabkan jarak yang agak jauh mereka memerlukan pengangkutan lain untuk ke stesen berkenaan. Tentulah sangat menyulitkan kalau mereka terpaksa menggunakan khidmat Grab atau teksi untuk ke stesen.

Itu belum lagi kerena semula jadi khidmat komuter KTM yang terkenal dengan tidak menepati masa dan kerap rosak dan

berhenti lama di sesuatu stesen.

Tidak menepati masa memberikan masalah kepada pengguna untuk merancang perjalanan. Masa itu emas, bayangkan kalau kelewatan 15 minit, setengah jam atau lebih lama lagi.

Begitu juga pemuliharaan berkala yang tidak menjadikan khidmat kepada orang ramai.

Tragedi memberhentikan khidmat LRT laluan Kelana Jaya selama seminggu adalah tindakan yang sangat tidak munasabah.

Syarikat peneraju LRT tidak ada alasan langsung untuk manafikat kepentingan pengguna dalam jangka masa yang begitu lama.

Inilah yang dimaksud dengan ekosistem yang perlu diberi perhatian dalam kadar segera.

“Banyak kota besar yang mempunyai populasi jauh lebih padat berbanding Kuala Lumpur. Akan tetapi berjaya menguruskan masalah kesesakan dengan sistem pengangkutan awam yang cekap.”

Gangguan yang menjadikan ekosistem ini membuatkan pengguna terpaksa memandu ke tempat kerja. Misalnya kurangnya bas perantara, tidak ada pemuliharaan berkala dan tidak menepati masa menyumbang pada kesesakan di Kuala Lumpur.

Banyak kota besar yang mempunyai populasi jauh lebih padat berbanding Kuala Lumpur. Akan tetapi berjaya menguruskan masalah kesesakan dengan sistem pengangkutan awam yang cekap.

Tidak semua orang suka menayangkan kereta ke tempat kerja, banyak juga yang memilih perkhidmatan awam. Akan tetapi sekiranya perkhidmatan awam selalu memberi masalah, mereka tiada pilihan – terpaksa bersesak dengan memandu sendiri.



SAJAK HARI DIBASAH DARI LANGIT NASIB PENGERIMIS

Hari dibasahi gerimis dari langit nasib pengemis esok pagi belum tentu jumpa sarapan tersingkir jauh warna-warna pelangi matahari meminggir di pojok sepi suasana senja bertukar wajah petaka siapa pernah rasa putus cinta? kiranya nanti ada seseorang berhati emas merapat lalu hulurkan tangan ikhlas

Terlintas bayangmu berdiri di bawah teduhan sana menanti detik sekeliling cerah seperti semula dalam resah mendesah ingin buru-buru sampai rumah atau mengharap muncul seseorang menemaninya sampai kini aku tidak tahu hatimu milik siapa?

Aku terkurung di kamar kesepian senja berkunjung seorang ibu mengingatkan sebentar lagi terbuka waktu tegakkan tiang agama ruang jumpa seorang hamba dengan Tuhan oh tampaknya aku tak bersendirian seperti sangkamu sebab Tuhan selalu ada bersama tak terkira waktu.

Mohd Adid Ab Rahman
Taman Jus Perdana Selandar, Melaka

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Letihlah projek pembangunan di KL!

ALANGKAH baiknya jika tiada lagi projek pembangunan di Kuala Lumpur! Bunyinya seperti kelakar. Bayangkan ibu kota tanpa pembangunan. Namun ada segelintir penduduk Kuala Lumpur yang berharap pembangunan di ibu negara segera berakhir!

Memetik laporan media, mereka menunggu saat apabila tidak ada lagi tanah di ibu kota yang boleh dimajukan. Dengan sendirinya bermakna tiada pembangunan tidak dapat dijalankan kerana tiada lagi kawasan untuk dimajukan.

Kenapa mereka berharap sedemikian? Kerana mereka berasa sudah letih dan tidak dapat lagi menanggung kesan akibat projek pembangunan yang dijalankan tanpa henti di ibu kota.

Antara kesan paling terasa ialah terpaksa mengharungi kesesakan lalu lintas sepanjang masa di bandar raya yang memang sudah sesak. Kenderaan semakin banyak bertambah tetapi infrastruktur jalan tidak banyak berubah.

Jika ada pun usaha membina lebih banyak jalan atau menambah baik jalan sedia ada serta memperbaiki sistem penyuraian trafik, kesannya lambat. Ini kerana pertambahan penduduk dan jumlah kenderaan lebih pantas berbanding menambah baik infrastruktur jalan yang mengambil masa lebih lama.

Pertambahan kenderaan tidak dapat dikekang. Akhirnya segala usaha kembali kepada masalah asal. Masakan mungkin pula hendak dihentikan jualan kenderaan untuk mengelak kesesakan.

Bagi Adi, aspek inilah yang menyebabkan warga kota ingin tiada lagi projek pembangunan kerana ia akan menambah kesesakan, terutama di kawasan pembangunan itu dijalankan. Tidak kiralah kerana membina atau melebarkan jalan, pembinaan kompleks beli-belah atau pembinaan rumah dan ruang pejabat.

Projek membina jalan, lebuh raya atau laluan Transit Aliran Ringan (LRT) di laluan sedia ada memang menyebabkan laluan tersebut sesak sehingga pergerakan kenderaan bagi merangkak seperti kura-kura.

Bukan sedikit masa diambil melaksanakan kerja pembinaan seperti ini, ada yang sehingga bertahun-tahun. Akibatnya terpaksa mengharungi kesesakan untuk tempoh lama. Ada jalan yang ditutup, ada yang dilencengkan, jalan dua hala menjadi sehala, atau diwujudkan laluan kontra. Semua ini menambah kesesakan.

Boleh dikatakan pembinaan berlaku di seluruh pelosok Kuala



DALAM keadaan tanah kian berkurangan dan masalah kesesakan semakin meruncing, perancangan pembangunan mesti lebih menjurus kepada yang lebih perlu dan bermanfaat kepada rakyat.

Lumpur, bermakna masalah kesesakan terdapat di mana-mana. Ada pembangunan yang berangkai atau berdekatan antara satu kawasan dengan kawasan lain menjadikan kesesakan bertali arus.

Kerana projek pembangunan bagi tiada noktah, kesesakan bertali arus ini berterusan entah sampai bila. Tidak hairan penduduk yang sudah letih dengan masalah ini mengharapkan tiada lagi pembangunan di ibu negara.

Apabila projek seperti pusat membeli-belah atau kawasan kediaman siap, bukan bermakna masalah kesesakan selesai. Ini kerana orang ramai akan bertumpu pula ke pusat membeli-belah berkenaan.

Di samping itu, pembeli akan datang menduduki projek perumahan yang baharu siap. Bukan sahaja ia menambah kepadatan penduduk, tetapi jumlah kenderaan bertambah yang seterusnya menambah kesesakan.

Kerana itu Adi faham kenapa warga kota mahu pembangunan yang menyesakkan minda atau mengganggu mata memandang dihentikan. Mereka ingin suasana bising serta pencemaran akibat pembangunan diganti dengan suasana aman damai dan tenang.

Tiada lagi pencemaran bunyi dan tiada pencemaran akibat sisa bahan buangan yang tidak diurus dengan baik. Juga tiada debu berterangan mencemar persekitaran disedut oleh warga kota.

Tetapi mampukah harapan yang dianggap ideal ini menjadi kenyataan? Pada Adi, sukar sekali hasrat ini dicapai sekurang-kurangnya untuk waktu ini kerana sejarah dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara, pembangunan akan sentiasa mengiringi pertumbuhan bandar raya.

Sebagai antara ibu negara terkenal di Asia, sudah tentu Kuala Lumpur perlu terus

SKETSA



“Kerana itu Adi faham kenapa warga kota mahu pembangunan yang menyesakkan minda atau mengganggu mata memandang dihentikan. Mereka ingin suasana bising serta pencemaran akibat pembangunan diganti dengan suasana aman damai dan tenang.

membangun seperti ibu kota negara lain. Pembangunan infrastruktur serta kemudahan awam seperti jalan, sekolah, tempat beribadat perlu dilaksanakan seiring dengan pembangunan ekonomi.

Ini ditambah dengan hakikat bahawa masih ada kawasan tanah untuk pembangunan di Kuala Lumpur walaupun jumlahnya semakin mengecil. Selagi masih ada kawasan, selagi itulah pembangunan terus berjalan entah untuk berapa lama lagi.

Adi sedar pembangunan perlu. Namun untuk memastikan ia tidak terlalu mengganggu kehidupan warga kota, ia harus dirancang dengan teliti dan berhemah. Janganlah selagi ada tanah kosong maka mesti dilaksanakan pembangunan. Senang cakap, pantang ada tanah kosong hendak dibangunkan.

Dalam keadaan tanah kian berkurangan dan masalah kesesakan semakin meruncing, perancangan pembangunan mesti lebih menjurus kepada yang lebih perlu dan bermanfaat kepada rakyat. Misalnya pembangunan untuk kemudahan awam seperti jalan dan perumahan atau menambah baik sistem jalan.

Berilah ruang ketika meluluskan projek. Yang kerap berlaku sekarang ialah walau dalam kawasan padat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tetap meluluskan pembinaan bangunan di celah-celah bangunan sedia ada.

Jika bangunan tersebut hidup, tentu mereka sudah lemas kerana terlalu rapat antara satu sama lain. Kalau boleh berteriak, tentu mereka akan merayu jangan dibina bangunan terlalu rapat sehingga tidak ada ruang untuk bernafas.

Pada masa sama, DBKL juga perlu meletakkan *time frame* atau jangka waktu secara spesifik bagi pelaksanaan sesuatu pembangunan. Pastikan ia siap menurut jadual. Sekurang-kurangnya ini akan dapat membantu keselesaan warga kota agar tidak tertekan dengan bahana projek pembangunan yang terlalu lama.

Pastikan juga pemaju projek mematuhi syarat kelulusan pembangunan. Misalnya jangan sesuka hati membuang sisanya binaan sehingga boleh

mencemarkan persekitaran. Malah perbuatan tidak bertanggungjawab ini ada kalanya menimbulkan masalah sampingan lain.

Contohnya sisa buangan yang dibuang sesuka hati di longkang atau kawasan laluan air akan menyebabkan pergerakan air tersebut. Apabila hujan lebat boleh menyebabkan banjir kilat. Sudahlah jalan sesak, bertambah sesak pula kerana banjir.

Pada pandangan Adi, warga kota tidak menolak pembangunan yang pada peringkat akhirnya akan membawa kemudahan kepada mereka. Perluasan sistem Transit Aliran Ringan (LRT) misalnya akan menambah baik sistem pengangkutan awam untuk masa hadapan.

Adi difahamkan, projek LRT akan diperluas meliputi kawasan Wangsa Maju untuk bersambung dengan sistem LRT yang menghubungkan Taman Melati dengan Putra Heights. Projek ini akan mengambil masa dan penduduk perlu bersabar menghadapi apa juga masalah yang timbul akibat pembinaan itu.

Begitu juga dengan projek pembinaan atau menaik taraf jalan. Terpaksalah diharungi kesesakan sehingga projek selesai yang akhirnya nanti diharap dapat membantu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas demi keselesaan warga kota.

Sementara penduduk mengharapkan suasana tenang di ibu kota tanpa hiruk-pikuk pembangunan, ia sukar dicapai selagi nadi Kuala Lumpur terus berdenut. Namun Adi harap DBKL berusaha memastikan pembangunan berpada-pada, jangan sampai menyesakkan persekitaran dan mengganggu kehidupan warga kota.

Adi—Suka suasana desa

Adi Feah

SAJAK

AKAR PERPADUAN

Pohon yang rendang kicauan dan nyanyian sinar kilauan

rendangnya pohon menggantikemesraan menyebarkan perpaduan menjadi akar tumbuh kukuh bertaut pasak kehidupan!

Ismail Hashim
Warisan Puteri, N. Sembilan

Tekad manfaat bantuan diberi

Dua pelajar IPT sebak dibantu YWP

HAZIRAH HALIM

KEPRIHATINAN Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengurangkan beban dua pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tidak mampu memiliki komputer riba mengundang sebak pelajar terabit.

Rasa syukur tidak putus-putus dizahirkan oleh **Muhammad Qayyum Haqim Norazli**, 18, apabila dia terpilih untuk menerima bantuan tersebut baru-baru ini.

"Alhamdulillah kesukaran saya untuk menyiapkan tugas yang diberi pensyarah berkurangan. Selama ini saya hanya menggunakan telefon bimbit atau meminjam komputer raka," ujarnya yang berjanji akan menggunakan sebaik mungkin.

Kongsinya kepada Wilayahku, perasaan malu terpaksa dibuang jauh semata-mata ingin ber-

jaya dalam pelajaran seterusnya mengubah kehidupan.

"Mujurlah kawan-kawan semua memahami kesusahan hidup saya selain dalam masa yang sama, saya amat bersyukur kerana masih mempunyai telefon bimbit biarpun ia tidak canggih," ujar pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini sebak.

Turut berkongsi perasaan yang sama, Abu Sufian Abu Bakar, 20, juga tidak menyangka permohonan Skim Bantuan Awal IPT berupa wang tunai secara one-off diterima sekali gus membantunya membiayai pengajian.

"Permohonan saya diluluskan. Saya juga diminta oleh pihak YWP untuk datang menerima bantuan tersebut pada majlis penyerahan di Kompleks Yayasan Wangsa Perdana, Wangsa Maju, baru-baru ini.

Tambah pelajar semester satu jurusan ekonomi, Universiti



MUHAMMAD Qayyum menunjukkan komputer riba yang diterimanya baru-baru ini.

Malaya ini, segala perbelanjaan di universiti ditanggung oleh abang dan kakak memandangkan ayahnya telah meninggal dunia sementara ibunya seorang suri rumah.

"Bantuan ini amat membantu

menambah sedikit kewangan yang ada untuk membayai kos tertinggi selain dijadikan wang tambahan untuk perbelanjaan di universiti," jelas anak bongsu daripada enam orang adik-beradik

Info ADUAN
DBKL Tel : 03-2617 9000
Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000
Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852
Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489

ini. Terdahulu, sesi penyerahan sumbangan komputer riba dan Skim Bantuan Awal IPT disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun. **WK**

Selamatkan dua orang adik, pelajar terima Pingat Hang Tuah

SABRINA SABRE

SEORANG murid tahun dua Sekolah Kebangsaan Taman Kampung Melayu di Kluang, Johor, **Muhammad Danish Rayqal Mohd Firdaus** dianugerahkan Pingat Hang Tuah atas keberaniannya menyelamatkan dua orang adiknya yang terperangkap dalam satu bencana kebakaran rumah pada 29 Jun lalu.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2022 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui



WAN Azizah (dua kiri) menyampaikan Anugerah Pingat Hang Tuah kepada Muhammad Danish pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2022.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam satu kenyataan berkata pengiktirafan Anugerah

Pingat Hang Tuah ini seharusnya menjadi inspirasi kepada anak-anak Malaysia di luar sana untuk terus menabur bakti dan mencipta kejayaan gemilang khususnya dalam bidang yang diminati sebagai sumbangan kepada bangsa dan negara.

"Kanak-kanak adalah waris dan penentu masa depan negara. Melalui mereka, kita menaruh harapan, aspirasi dan impian untuk membentuk negara Malaysia yang lebih baik. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk kebaikan kanak-kanak hari ini merupakan satu pelaburan penting dalam segala aspek kehidupan kerana ianya akan memberi impak pada masa hadapan," jelas kenyataan tersebut.

"Justeru itu, KPWKM akan

kekalkomited untuk meningkatkan kesejahteraan serta melindungi dan menjaga kebajikan kanak-kanak untuk memenuhi hasrat supaya mereka dapat membesar dengan sempurna di samping menyeru semua pihak menyokong dan memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan hasrat ini.

"Hasrat ini juga selaras dengan tema pada sambutan kali ini yang mana ia melambangkan pentingnya memberi peluang kepada kanak-kanak terlibat dalam pelbagai perkara tanpa sebarang diskriminasi," katanya.

Terdahulu, JKM juga telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti di seluruh negara bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak bermula 7 Jun lepas. **WK**

YWP jadi mata, telinga yang sentiasa peka untuk warga KL

DEEL ANJER

BERSESUAIAN dengan visinya menyumbang perkhidmatan serta bantuan bagi mempertingkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), sentiasa peka dengan setiap permasalahan yang dihadapi rakyat.

Menurut Eksekutif Junior Bahagian Pembangunan Komuniti, **Siti Nur Farmiza Baharuddin**, YWP sentiasa mengalu-alukan warga Wilayah Persekutuan tampil merujuk YWP apabila dilanda masalah.

"Di YWP juga kami turut membantu warga Wilayah di bawah Skim Bantuan Khas antaranya bantuan barang hospital seperti tongkat, katil dan kerusi roda. Biasanya

mereka ini terdiri daripada golongan warga emas," ujarnya.

Menyentuh tentang bantuan sara hidup pula, YWP juga turut memberikan bantuan kewangan secara one-off kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk membeli keperluan atas keluarga.

"Bukan itu sahaja, YWP turut peka dengan nasib keluarga yang tidak berkemampuan untuk menghantar anak ke sekolah. Apabila permohonan diterima, kami akan turun menjalankan siasatan ke rumah.

"Bantuan persekolahan antara perkara penting yang diberi perhatian kerana ia melibatkan masa hadapan pelajar. Seperti kita tahu satu hari nanti mereka inilah akan memimpin negara," ujarnya kepada Wilayahku.



KETUA Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (kanan) ketika mengagihkan barang asas kepada mangsa banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam tahun lalu.

Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu dan peralihan monsun, YWP juga sentiasa bersedia membantu mangsa bencana alam. Malah, ia juga menjadi salah satu tanggungjawab yang digalas selama ini.

"Bantuan biasanya melibat-

kan banjir atau kebakaran rumah. Setiap isi rumah akan menerima sumbangan wang tunai. Selain itu, jika sesbuah kawasan dilanda banjir besar, kakitangan YWP juga akan turun padang membantu," ujarnya. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

roda kota


2-8 DISEMBER 2022. Bil 193

Wilayah Ku



Arena Sukan KL

Pusat sehenti sukan bertaraf antarabangsa



TERLETAK di Jalan Ayer Jerneh, Taman Ayer Panas, Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur atau Arena Sports Complex merupakan fasiliti sukan bertaraf antarabangsa untuk seluruh warga kota melakukan aktiviti sukan.

Kompleks yang juga merupakan pusat sehenti sukan ini juga merupakan lokasi pilihan pengajur untuk pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Terbaru, ia adalah venue pilihan bagi acara *Malaysia Invitational 2022 Underwater Hockey Tournament* yang berlangsung pada 2 Disember hingga 4 Disember 2022.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Jadi tumpuan warga kota, penganjur pertandingan



FOTO: AMIN FARU HASAN
AINI MAWAWI

DARI MUKA 9

ARENA Sukan Kuala Lumpur atau Arena Sports Complex melambangkan imej fasiliti antarabangsa yang bertapak di ibu negara. Kompleks milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini diuruskan sepenuhnya oleh Arcadin Services Sdn Bhd bermula Ogos 2022.

Merupakan sebuah syarikat pengurusan sukan yang menguruskan fasiliti sukan bertaraf antarabangsa, Arcadin Services Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 2016 dan diketuai Pengarah Urusan, Datuk Che Azizuddin Che Ismail.

Bercerita lanjut tentang Arena Sukan Kuala Lumpur, Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Afizal Abu Othman** berkata Arcadin komited memastikan kemudahan sukan yang ditawarkan berada dalam keadaan terbaik dan mesra pengguna.

“Sebagai fasiliti sukan bertaraf antarabangsa, kita mahukan kompleks ini boleh digunakan oleh seluruh warga kota selain menjadi *venue* pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

“Memiliki 16 fasiliti sukan yang lengkap seperti gelanggang

badminton, trek larian dan sebagainya, kita berharap kompleks ini menjadi pusat sehenti sukan popular di Kuala Lumpur yang menjadi pilihan ramai,” ujar beliau.

Biarpun baru tiga bulan beroperasi, namun Arena Sukan Kuala Lumpur telah menjadi pilihan berlangsungnya beberapa acara sukan antaranya pemilihan pasukan kebangsaan *floorball*.

“Sekarang juga sedang berlangsung acara *Malaysia Invitational 2022 Underwater Hockey Tournament*. Selain itu, kita turut menjalankan kerjasama dengan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) sebagai lokasi latihan Sukan Malaysia (SUKMA) kontingen Wilayah Persekutuan (WiPers),” ujar beliau.

Dijangka kesemua fasiliti sukan beroperasi sepenuhnya pada Februari tahun hadapan, Afizal berkata pihak beliau kini sedang mempelawa syarikat luar yang mempunyai kepakaran dalam fasiliti masing-masing untuk sewaan.

“Selain untuk menganjurkan aktiviti sukan, kita juga turut membuka lokasi sewaan buat mereka yang ingin menganjurkan majlis keraian seperti perkahwinan, sambutan hari jadi dan sebagainya.

“Arcadin Services Sdn Bhd juga telah melantik operator D Swim Academy (DSA) untuk

menguruskan Kompleks Akuatik yang mana mereka juga merupakan syarikat berpengalaman menguruskan Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil.

“Kompleks Akuatik baru sahaja beroperasi pada 1 September dan acara pertama yang berlangsung adalah acara *Malaysia Invitational 2022 Underwater Hockey Tournament*.

“Kita yakin untuk hari mendatang, kompleks ini akan menerima lebih ramai pengunjung harian untuk aktiviti renang



AFIZAL

dan sebagainya,” ujar beliau menjelaskan pihak beliau turut menguruskan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur Cheras.

Mengulas lanjut tentang fasiliti di Arena Sukan Kuala Lumpur, Afizal berkata mereka bakal menambah fasiliti iaitu gelanggang padel

tennis memandangkan gelanggang tersebut hanya terdapat di Desaru, Johor.

“Masih dalam proses perbincangan dan jika ia berjaya, kita akan menjadi lokasi kedua di Malaysia yang mempunyai

gelanggang ini,” beliau berkata pihaknya juga sedang menaik taraf padang bola sepak di Arena Sukan Kuala Lumpur.

Beliau turut mengakui kewujudan Arena Sukan Kuala Lumpur membantu melancarkan pelaksanaan program pembangunan sukan negara selain menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

“Industri sukan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat semakin rancak dan menyaksikan banyak peluang perniagaan dalam sukan mendapat sambutan. Selain itu, orang ramai juga mempunyai banyak pilihan untuk menggunakan fasiliti sukan di sekitar Lembah Klang,” ujar beliau. WK



Asrama dilengkapi 84 buah bilik

MEMILIKI 16 fasiliti sukan di bawah satu bumbung, Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur dijangka berjaya menarik kunjungan ramai apabila beroperasi sepenuhnya pada Februari akan datang.

Untuk itu dalam memastikan ia mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik, kini pusat sehenti sukan tersebut sedang giat mempersiapkan kelengkapan 84 buah bilik asrama.

Dilengkapi tandas serta pendingin hawa di setiap bilik,

ia dibahagikan kepada empat kategori bilik yang selesa mengikut harga tertentu.

Menurut Afzal, antara kategori yang akan disediakan adalah bilik katil bertingkat, bilik berkatiil dua (*single*), bilik berkatiil satu (*queen*) dan bilik berkatiil satu (*king*) khas untuk tetamu kenamaan.

"Buat masa sekarang, kita dalam proses membawa masuk perabot seperti katil, tilam dan sebagainya sebelum ia beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi," ujar beliau.

Kata beliau lagi, pihaknya

akan memastikan tetamu yang menginap selesa dan berbaloi dengan harga yang ditawarkan.


Mengulas lanjut tentang harga setiap bilik, Afzal berkata ia masih dalam proses penetapan dan yang pasti ia berpatutan untuk semua golongan.

Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang fasiliti yang ditawarkan, layari *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* [@arenasukankualalumpur](#) atau e-mel ke arenasukankl@gmail.com.



Fasiliti di Arena Sukan KL

1. Padang bola sepak
2. Kompleks akuatik
3. Gelanggang badminton
4. Gelanggang bola keranjang
5. Gelanggang futsal
6. Gelanggang skuasy
7. Dewan Serbaguna
8. Trek larian
9. Indoor rock climbing
10. Restoran & lounge
11. Hostel
12. Kedai sukan/kedai serbaneka
13. Studio
14. Bilik mesyuarat
15. Fitness centre
16. Tempat letak kenderaan



BANYAK jenis sukan yang boleh kita main dalam satu tempat antaranya futsal, bola keranjang dan badminton. Selain itu, lokasi ini juga strategik. Tak sabar menanti padang bola sepak yang sedang dinaik taraf siap sepenuhnya."

MUHAMMAD IZZAT AMIR MOHD RAHIMI
Pengguna

PEMBUKAAN pusat sukan ini banyak memberi manfaat kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti sukan termasuk para atlet yang menggunakan sebagai tempat menjalani latihan. Kemudahannya bukan sahaja lengkap bahkan bertaraf antarabangsa"

ARIFF NOOR AZMAN SHAH
Pengguna

SAYA suka datang ke Sky Arena ini kerana lokasinya di tengah kota dan mudah untuk ke sini sama ada dengan menaiki kenderaan sendiri atau pengangkutan awam. Saya juga dimaklumkan kita juga boleh menyewa dewan untuk aktiviti keraian."

NUR ADIBAH ALIAS
Pengguna

BANYAK kemudahan yang boleh diguna di sini. Saya harap untuk masa akan datang ia menjadi salah satu *one sport centre* yang gah di bandar raya Kuala Lumpur!"

HAZIQ ASNAWI HASSAN AZHARI
Pengguna



IZZAT



ARIFF



NUR ADIBAH



HAZIQ




Inilah masanya untuk merasai sendiri pengalaman menerokai keindahan dasar laut yang menakjubkan.
Ikuti kami di Facebook untuk pengembalaan seterusnya.

Cuti-Cuti **MALAYSIA**



Imbas Kod QR untuk Risalah Digital Interaktif



www.malaysia.travel



Ikuti kami: Malaysia Truly Asia



Manfaat tawaran rumah KWP



DEEL ANJER

RAMAI yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah disebabkan pelbagai halangan antaranya gaji yang terlalu rendah, komitmen yang tinggi, kenaikan kos sara hidup dan harga rumah yang

malah.

Menyedari hal ini, penyanyi **Alyah** menyeru agar rakyat terutamanya warga Wilayah Persekutuan memanfaatkan kemudahan Residensi Prihatin Keluarga Malaysia yang disediakan kerajaan.

"Kalau terpandang iklan rumah untuk dijual dengan harga tinggi kat tengah bandar ni kadang-kadang terdetik dalam hati saya, mampu ke pasangan yang baru kahwin atau mereka yang baru ingin memiliki

rumah pertama untuk beli?

"Kemudian, bila saya dapat tahu ada Residensi Prihatin Keluarga Malaysia yang dijual untuk pembeli rumah pertama dengan harga bawah RM200,000 ribu, okay sangat tu kan?" tulisnya di akaun *Instagram* miliknya.

Menurut pelantun lagu *Cinta Sahabiyah* ini, peluang seperti ini tidak harus disia-siakan kerana ia sangat bermanfaat.

"Saya tahu sekarang ini ramai yang 'berhempas pulas' dalam

menjalani kehidupan sehari-hari.

Tambah pula mereka yang mempunyai banyak komitmen. Apatah lagi nak beli rumah kan?

"Jangan putus asa. Ini adalah tawaran terbaik untuk anda membeli rumah. Manalah tahu ada rezeki. Kena cuba! Kalau nak tengok-tengok rumah pilihan, boleh ke portal berkaitan, katanya nak bina kat Putrajaya pula nanti," tambahnya lagi.

Sebarang maklumat lanjut boleh layari <https://residensiprihatin.kwp.gov.my>

Puteri Sarah bersyukur MyMedic@Wilayah bantu B40

CUACA yang tidak menentu saat ini menjadikan kesihatan. Dalam masa yang sama, hospital dan klinik dipenuhi pesakit saban waktu. Tidak kiralah dari golongan kanak-kanak, muda maupun tua, semuanya memerlukan rawatan.

Usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menganjurkan Program *MyMedic@Wilayah* untuk memudahkan rakyat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Wilayah Persekutuan mendapatkan rawatan patut dipuji.

Menurut pelakon popular **Puteri Sarah Liyana**, van *MyMedic@Wilayah* amat memudahkan golongan tua serta ibu bapa untuk membawa anak kecil berjumpa doktor



untuk mendapatkan rawatan.

"Harapnya, Van *MyMedic@Wilayah* anjuran KWP ini akan diperluaskan lagi," tulisnya di *Instagram*.

Dia yang turut memuat-naik video tentang *MyMedic@Wilayah* mengakui program secara percuta tersebut menandakan keprihatinan kerajaan kepada masalah yang dihadapi rakyat.

"Sekarang ini ramai yang mudah terdedah kepada sakit, namun tak semua mampu mendapatkan rawatan di klinik.

Tambah pula jika melibatkan warga emas yang tidak mampu bergerak jauh.

"Jadi, dengan adanya program ini, mereka boleh dapatkan rawatan kesihatan hanya di hadapan kediaman sahaja. Mudah bukan? Mereka yang berkerusi roda pun boleh join," ujarnya lagi.

MyMedic@Wilayah yang dianjurkan KWP mendapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"MyGrocer@Wilayah ringankan beban rakyat" - Sherry Ibrahim

KENAIKAN harga barang basah kebelakangan ini memberi kesan kepada pengguna terutamanya golongan B40. Mereka mula mengeluh dan tertekan dengan perkara itu dan menganggap ia tidak masuk akal.

Prihatin dengan situasi yang melanda, pelakon **Sherry Ibrahim** menerusi *Instagram*nya, kagum dengan usaha kerajaan menerusi



Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bertindak menganjurkan Program *MyGrocer@Wilayah*.

"Banyak perkara yang kerajaan lakukan demi membantu meringankan beban rakyat miskin bandar antaranya memperkenalkan program ini yang mana penjualan barang dapur harian tidak melibatkan orang tengah sekali gus harga menjadi lebih rendah.

"Bukan itu sahaja, program ini turut memudahkan pengguna mengendalikan barang basah seperti ikan atau ayam yang mana ia dijual dalam keadaan siap diproses dan dipotong," tulisnya.

Katanya lagi, jualan di rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) ini adalah satu tindakan bijak yang turut menjimatkan duit rakyat.

"Barangan dapur yang dijual semua murah dan tidak dapat di tempat lain serta dalam masa yang sama mereka tidak perlu fikir untuk mengisi minyak kereta atau motosikal untuk keluar berbelanja.

"Semuanya di hadapan rumah. Nak jimat, jomlah berbelanja di *MyGrocer@Wilayah*," ujarnya lagi.

"Ada cara nak jadi usahawan berjaya" - Izzue

PELAKON dan penyanyi yang juga merupakan usahawan, **Izzue Islam** mengakui untuk berjaya dalam perniagaan bukan perkara yang mudah. Malah, ia perlu melalui beberapa fasa yang memerlukan proses.

"Memang nak bergelar usahawan ni tak mudah, modal pun keras. Silap hari bulan yang semangat nak mula niaga boleh jadi patah semangat pula. Bila dengar Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ada buat inisiatif untuk tolong usahawan

muda ni, memang saya sokong. "Bagi saya, Program Usahawan Muda Kota ini sangat bagus. Pihak kerajaan dah bagi platform untuk anak muda antaranya kios-kios program yang diletakkan di lokasi strategik.

"*Insya-Allah*, kalau rebut peluang ini dan semangat pun kuat, banyak la membuatkan untung nanti," tulisnya di *Instagram*.

Izzue antara selebriti yang suka berniaga dan dia turut

berharap anak muda tidak mudah berputus asa dalam perniagaan.

"Perasaan kekok dan tidak selesa mungkin ada di peringkat permulaan. Itu perkara biasa. Jangan cepat lemah. Rintangan dan dugaan itu pasti ada namun pengakhirannya pasti indah jika disusuli usaha, kesabaran yang tinggi dan doa."

"Perlu juga mempunyai ilmu keusahawanan sebelum memulakan perniagaan. Ini langkah penting dan proses

pembelajaran perlu diteruskan walaupun sudah mempunyai pengalaman," ujarnya menyertai Program Usahawan Muda Kota.

Kepada yang berminat boleh layari <https://usahawanwp.kwp.gov.my>.



Pemilik kedai serbaneka kuasai lebih 30 dialek, bahasa



KHAIRUL IDIN

BIARPUN kecil namun kedai serbaneka, Moorthy Store yang terletak di bandar Labuan ini telah banyak berjaya dan membantu pemiliknya yang dikenali sebagai **R Kanakasabai**, 60, atau mesra dengan panggilan Gani membesarkan dua cahaya mata.

Peniaga berbangsa India ini mengakui layanan yang mesra terhadap pelanggan sejak kedainya dibuka tiga dekad lalu merupakan perkara yang paling penting untuk mengekalkan perniagaannya.

"Setiap kali mereka datang, saya akan bertanya asal usul mereka sehingga sebelum dia pulang, kami seolah-olah sudah kenal lama," ujarnya yang menjual lebih 200 jenis barang keperluan harian seperti beras, sabun, minyak masak dan sebagainya.

Berkongsi cabaran dalam perniagaan, Gani berkata biarpun ekonomi tidak menentu namun dia tetap memastikan barang yang dijual berada pada harga yang berpatutan kerana tidak mahu menyusahkan pelanggannya.

"Untung sikit tak apa tapi yang paling penting dapat tolong orang terutamanya mereka yang susah. Hampir 30 tahun saya bermula, saya selalu jumpa orang susah yang boleh buat saya sedih dan simpati," ujarnya.

Katanya lagi, ketika negara dilanda pandemik COVID-19 dan kerajaan menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),



GANI berkebolehan menguasai tulisan jawi ketika berusia 15 tahun dan mampu bertutur lebih 30 dialek dan bahasa asing.

perniagaannya turut terjejas sekali gus pendapatan juga berkurangan.

"Ketika itu, kedai terpaksa ditutup. Saya terpaksa menggunakan duit simpanan untuk membayar segala komitmen bulanan seperti bil elektrik, bil air selain sewa kedai. Waktu itu saya cuba jadi positif untuk mengelakkan tekanan perasaan.

"Rupa-rupanya ramai lagi di pulau ini yang terkesan. Ada yang langsung tiada duit untuk beli makanan. Saya cuba berkongsi rezeki dengan menghulurkan 800 bukal makanan di serata Labuan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, bantuan tersebut membuatkannya lega dan gembira terutamanya apabila mendapat tahu ramai di antara yang dibantu olehnya ketika itu merupakan pelanggan kedainya.

"Dalam dunia bermula ini, kita tak boleh kedekut, kalau kita beri lebih pada orang, kita kena yakin dapat pulangan yang lebih

lagi," kongsinya tentang kunci kejayaannya dalam perniagaan.

BELAJAR DIALEK DAN BAHASA ASING MELALUI PELANGGAN

SUNGGUHPUN hanya duduk di kedai saban hari sambil melayan pelanggan namun siapa sangka dia mampu bertutur lebih 30 dialek dan bahasa asing hasil belajar daripada para pelanggannya.

"Di pulau bebas cukai ini saya sentiasa menerima pelanggan tidak kira tempatan maupun luar negara lebih-lebih lagi Labuan sering dipenuhi pekerja sektor minyak dan gas dari serata dunia.

"Setiap kali mereka datang dan berbual, saya akan catat setiap perkataan baharu di buku nota atau kotak terpakai. Kadang-kadang bila mereka nampak kesungguhan saya, mereka jadi teruja untuk mengajar," ujarnya mengakui menguasai tulisan jawi ketika berusia 15 tahun.



Menguasai dialek dan bahasa asing juga memudahkannya untuk berinteraksi dengan para pelanggan serta pelancong yang singgah di kedainya.

"Antara bahasa yang saya fasih setakat ini adalah bahasa

Kadayan-Brunei, Kadazan-Dusun, Bisaya, Bugis, Jawa, Suluk dan Mandarin selain bahasa asing seperti Portugis, Inggeris dan banyak lagi," ujarnya yang minat menguasai bahasa sejak di bangku sekolah. **WK**



TIDAK boleh kedekut dan yakin dengan keuntungan perniagaan antara kunci kejayaan Gani dalam bidang perniagaan yang kini sudah memasuki hampir 30 tahun.



GANI turut memberi makanan percuma (food bank) kepada orang ramai yang memerlukan ketika PKP.



HAZIRAH HALIM

KEMENTERIAN Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) dan Kerajaan Negeri Sabah mengadakan Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) Kota Kinabalu, Sabah pada 28 hingga 30 November 2022.

Persidangan yang sudah memasuki edisi keenam itu mengumpulkan 1,000 delegasi dari lebih 60 negara untuk menyambung dan menilai semula pemulihian pelancongan selepas pandemik COVID-19 menyerang di seluruh dunia.

Di samping pegawai UNWTO, ia juga menampilkan kira-kira 30 penceramah pakar yang terdiri daripada penggubal dasar kerajaan, peneraju industri dan ahli akademik terkemuka dalam memperjuangkan kepimpinan pemikiran mengenai masa depan pelancongan serta strategi bagi memacu pemulihian dan daya tahan pelancongan dunia di era pasca pandemik.

Persidangan ini turut melibatkan Menteri Negeri, Kementerian Pelancongan Maldives, Dr Ahmed Salih; Pengurus Besar Serantau Pelancongan Australia, Brent Anderson; Profesor Emeritus Universiti Wisconsin Stout, Amerika Syarikat, Profesor Jafar Jafari; Pengasas bersama Traveloka Indonesia (*Co-Founder*), Albert serta wakil daripada beberapa syarikat berkaitan pelancongan paling inovatif di dunia seperti *Skift*, *Tripadvisor*, *TUI Group* dan *Intrepid Travel*.

Selain itu, barisan pakar-pakar tempatan daripada Malaysia turut membuat penampilan di pentas eksklusif WTC 2022 antaranya Profesor Dr Amran Hamzah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Malls dan Taman Tema, HC Chan; Ketua Pegawai Pemasaran dan Pelanggan, Kumpulan Malaysia Airlines, Lau Yin May; Ketua Pegawai Eksekutif Evenisis, Yusno Yunos serta dua lagi dari Kota Kinabalu, Sabah iaitu Pengarah Taman-Taman Sabah (*Sabah Parks*), Dr Maklarin Lakim bersama Pengasas dan Pengarah *Sticky Rice Travel*, Jessica Yew.

Dalam pada itu, salah satu acara utama persidangan itu ialah ucapan pembentangan oleh penceramah terhormat dari Program Pembangunan (PBB) Lestari Rangkaian Penyelesaian

Lebih 60 negara berhimpun dalam Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2022



BARISAN tetamu kehormat yang hadir pada Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2022 terdiri daripada penggubal dasar kerajaan, peneraju industri dan ahli akademik terkemuka.

Pembangunan Asia dan Akademi Sains Malaysia, Profesor Datuk ChM Dr Mazlin Mokhtar.

Buat pertama kalinya, beliau membawa perspektif saintis kepada WTC terutamanya dalam memajukan pemulihian pelancongan yang lebih mampan yang merangkumi peralihan tenaga dan neutraliti karbon.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia, **Datuk Saraya Arbi** dalam ucapannya mengaku pandemik COVID-19 memberi kesan yang begitu besar bukan sahaja di negara Malaysia malah seluruh dunia sehingga menjelaskan pertumbuhan sektor pelancongan.

"Bagaimanapun, terdapat juga peluang besar untuk kita memikirkan dan membayangkan semula strategi untuk membentuk sebuah sektor pelancongan yang lebih mampan dan inklusif pada masa hadapan.

"Meskipun negara akan menghadapi cabaran besar terhadap ekonomi global pada tahun 2023 dan seterusnya, pakar mempunyai jangkaan besar untuk sektor

pelancongan dengan meramalkan permintaan yang berterusan di samping peluang pertumbuhan baharu dan pasaran khusus baru yang akan muncul akibat wabak itu.

"Sebagai contoh, apabila pemulihian pelancongan bermula, sempadan antara kerja, rumah, masa lapang dan perjalanan menjadi semakin kabur, memerlukan kerjasama silang yang lebih besar antara pelancongan dan pengangkutan, kesihatan, keselamatan, bandar dan sistem bandar ke arah kebolehdiaman dan kualiti hidup yang lebih baik untuk kedua-duanya iaitu pengunjung dan juga penduduk," katanya.

Katanya, perkara tersebut adalah sebahagian daripada prospek baharu yang lebih menarik dan ia akan diterokai semasa persidangan dua hari tersebut.

"Oleh itu, saya berharap tema yang dipilih iaitu 'Tourism Futures Reimagined' akan memberi inspirasi kepada pandangan mendalam tentang cabaran, peluang, arah aliran dan ramalan yang membentuk masa depan industri," tambahnya. **WK**



1.03 juta pelajar dan belia sertai Malaysia Techlympics 2022

MALAYSIA Techlympics 2022 telah berjaya memperoleh sebanyak 1.03 juta penyertaan pelajar dan belia berusia antara tujuh hingga 30 tahun sepanjang tempoh sembilan bulan pertandingan itu.

Direka bentuk berdasarkan pendekatan inklusif, tidak formal dan interaktif untuk pembelajaran dan membina keyakinan dalam STI, Malaysia Techlympics turut memberikan pendedahan kepada 150 kanak-kanak berkeperluan khas dari lapan buah sekolah dan 545 kanak-kanak orang asal menerusi Program Jelajah Jangkauan Keterangkuman yang dijalankan di 66 lokasi seluruh negara.

Malaysia Techlympics 2022 dilaksanakan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Luar Bandar (KPLB) serta wakil-wakil Kerajaan Negeri.

Menurut Ketua Setiausaha MOSTI, **Datuk Dr Aminuddin Hassim**, apa yang istimewa mengenai Malaysia Techlympics ialah program ini turut menyelitkan elemen keusahawanan yang diharapkan dapat menyokong para inovator dan *inventor* muda kita untuk mengambil langkah dalam mengembangkan penciptaan idea mereka.

"Inovasi dan kreativiti telah menjadi pemacu kekayaan negara-negara pada abad ke-21. Dalam kata lain, ukuran kehebatan sesebuah negara pada era teknologi ini adalah berpaksikan kepada kebolehannya dalam membudayakan STI serta menyemarakkan semangat dahagakan ciptaan," ujar beliau dalam Majlis Penutup Malaysia Techlympics 2022 Peringkat Akhir Kebangsaan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dengan tema 'Berhubung, Bersaing, Berjaya', program perdana MOSTI ini bertujuan memupuk minat generasi muda terhadap STI melalui pendekatan yang lebih menyeronokkan.



MALAYSIA Techlympics turut melibatkan penyertaan guru di seluruh negara.

Oleh itu, pendekatan ini sekali gus dapat membudayakan belia dengan minda, set kemahiran dan aksi dalam menghasilkan inovasi berimpak tinggi serta melahirkan generasi penyelesaian masalah dan teknologi-usahawan masa hadapan.

Malaysia Techlympics 2022 juga adalah pelengkap pembelajaran STI bagi menarik lebih ramai golongan pelajar dan belia untuk menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) atau STI sebagai pilihan kerjaya masa hadapan, seterusnya menggunakan pakai pengetahuan mereka dalam kehidupan harian.

Penyertaan dalam Malaysia Techlympics adalah secara berkumpulan dan setiap pertandingan yang disusun adalah berdasarkan 'Penyelesaian Masalah' di mana para peserta akan menjana idea inovasi berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

Sebanyak 32 pertandingan di bawah lima tema utama telah dianjurkan yang tertumpu kepada bidang-bidang membabitkan Sains, Kejuruteraan, Pengkomputeran dan Mikro-Komputer, Internet Benda (IoT), Robotik, Dron, Matematik, Reka Bentuk Kreatif dan Animasi serta Percetakan dan Pembangunan Tiga Dimensi (3D).

Untuk pemenang keseluruhan, Pulau Pinang berjaya merangkul

takhta pemenang keseluruhan dengan membawa pulang sebanyak tujuh pingat emas, tujuh pingat perak dan dua pingat gangsa.

Sejak Malaysia Techlympics dilancarkan pada bulan Mac yang lalu, pelbagai aktiviti pembelajaran telah dilaksanakan seperti Kuiz Superstar Sains, Sesi Tutorial Pengangkutan Masa Hadapan, Bengkel Belajar Dengan Arduino, Webinar Teknologi Masa Depan: Pengaturcaraan Robotik Maya, Simulasi Sains Penerbangan, Bengkel Matematik Praktikal untuk Pendidik, Webinar BYOD (Bina Reka Bentuk Anda Sendiri) dan Mencipta Animasi AR/VR.

Kebanyakan sesi pembelajaran ini diajar oleh golongan profesional, pengamal dan ahli akademik selaras dengan objektif untuk memupuk budaya pembelajaran melangkuai bilik darjah. Selain itu, sesi pembelajaran rakan sebaya, pembentangan dan pameran oleh Ikon Inovator Muda juga telah disusun.

Di bawah program jangkauan keterangkuman ini, sebanyak 26,645 pelajar dan 545 guru serta pensyarah telah melibatkan diri dalam aktiviti Malaysia Techlympics 2022. Di samping itu, seramai 5,800 guru turut mendapat manfaat kursus Latihan Tenaga Pengajar atau *Training of Trainers*

“Malaysia Techlympics 2022 juga adalah pelengkap pembelajaran STI bagi menarik lebih ramai golongan pelajar dan belia untuk menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) atau STI sebagai pilihan kerjaya masa hadapan, seterusnya menggunakan pakai pengetahuan mereka dalam kehidupan harian.



KSU Kementerian Sains Teknologi (MOSTI), **Datuk Dr Aminuddin** menyerahterahkan cek kepada pemenang Anugerah Sains Muda Negara baru-baru ini.

dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran bidang STI.

Turut disampaikan Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) dan Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022 yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM10,000, sijil beserta trofi. Anugerah Saintis Muda Negara merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian saintis muda dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T), manakala Anugerah Juruteknik (Sains) Negara pula memberi pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang oleh

Juruteknik bidang sains dan teknologi (Juruteknik atau Pembantu Makmal) serta kakitangan separa profesional yang berkaitan dengan S&T.

Sementara itu, turut disampaikan adalah Anugerah Saintis Muda Negara (Kategori Fizikal) 2022 yang dimenangi oleh Dr Ang Wei Lun, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memegang jawatan pensyarah dan penyelidik.

Manakala Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022 pula kepada Siti Hajar Bilal dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) jawatan juruteknik. **WK**





DATUK Saraya Arbi (lima dari kiri) bergambar bersama rakan penaja Program TOMER dan MAM Tourism Malaysia 2022.



BARISAN tetamu kehormat bergambar bersama Juara Program Tourism Malaysia Media Explore Race 2022.



Datuk Zainuddin Abdul Wahab (tiga dari kanan) bergambar bersama Datuk Saraya Arbi (tengah) dan barisan tetamu kehormat lain.

Bantu pemulihan industri pelancongan negara

Tourism Malaysia hargai jasa pengamal media



HAZIRAH HALIM


SUKAR dinafikan peranan media dalam menyebar luas dan membuat liputan untuk setiap program anjuran Tourism Malaysia secara tidak langsung telah meningkatkan promosi dan pemasarnya ke peringkat antarabangsa.

Bahkan, kerjasama dan sokongan pengamal media menulis serta mempromosikan secara menyeluruh terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan khususnya sepanjang tempoh dua tahun berdepan pandemik COVID-19 harus dibanggakan dan dihargai.

Justeru itu, Tourism Malaysia



TETAMU turut dihiburkan dengan persembahan kabaret dan medley lagu-lagu kempen promosi Tourism Malaysia dibawah koordinasi Artis Tari Istana Budaya.



“Malaysia telah merekodkan ketibaan seramai lebih 5.5 juta pelancong dan Tourism Malaysia optimis untuk mencapai sasaran 9.2 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM26.8 bilion menjelang hujung tahun ini.

menganjurkan Majlis Apresiasi Media 2022 pada 24 November (Khamis) lalu bagi meraikan sumbangan dan jasa baik pengamal media dalam menyokong, menjayakan dan mempromosikan aktiviti pelancongan kepada masyarakat dalam

mahupun luar negara. Ketua Pengarah Tourism Malaysia, **Datuk Zainuddin Abdul Wahab** berkata media telah memainkan peranan yang sangat besar dalam meningkatkan promosi dan pemasaran Tourism Malaysia sepanjang 50 tahun kewujudannya menerusi Kempen *Malaysia Truly Asia* bagi pasaran antarabangsa dan

Cuti-Cuti Malaysia untuk pasaran domestik.

“Sejak dilancarkan pada tahun 1999, kempen ini telah memenangi lebih 25 anugerah di peringkat antarabangsa sekali gus berjaya melonjakkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia.

“Setakat September lalu juga, Malaysia telah merekodkan ketibaan seramai lebih 5.5 juta pelancong dan Tourism Malaysia optimis untuk mencapai sasaran 9.2 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM26.8 bilion menjelang hujung tahun ini.

“Malah, berdasarkan statistik Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO), pelancongan antarabangsa terus menunjukkan

tanda-tanda pemulihan industri yang kukuh apabila kembali merekodkan ketibaan pelancong mencecah paras 57 peratus sewaktu pra-pandemik untuk tujuh bulan pertama tahun ini,” jelasnya.

Jelaslah, peranan media dalam menyebarluaskan program dan aktiviti Tourism Malaysia sedikit sebanyak membantu memulihkan dan meningkatkan industri pelancongan Malaysia ke persada dunia sekali gus menjadikan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan pilihan.

Terdahulu, bertemakan *gold and black*, majlis yang diadakan di Magica Hall, Quill City Mall itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Saraya Arbi.

Pada majlis tersebut, para tetamu bukan sahaja boleh memenangi cabutan bertuah malah turut dihiburkan dengan persembahan kabaret dan medley lagu-lagu kempen promosi Tourism Malaysia di bawah koordinasi Artis Tari Istana Budaya selain penampilan persembahan artis jemputan popular Ernie Zakri dan Khai Bahar.

Turut diadakan ialah majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan *Tourism Malaysia Media Explore Race (TOMER)* 2022 yang melibatkan penyertaan 88 media tempatan dan antarabangsa mengeksplorasi sejauh lebih 300 kilometer (KM) dari Putrajaya ke Gopeng, Perak pada 23 November lalu. **W.K**



PERSEMBAHAN menu makanan oleh Datuk Chef Ismail Ahmad.

MAIWP salur RM6.9 juta bantu asnaf



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyalurkan peruntukan sebanyak RM6.9 juta kepada golongan asnaf di pulau itu menerusi Bantuan Zakat Khas MAIWP- INSANI.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Mohd Nizam Yahya**, bantuan itu turut membabitkan 4,600 orang penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP di Labuan berjumlah RM3.4 juta dengan agihan RM750 seorang.

Selain itu, katanya pihaknya turut menyalurkan peruntukan kepada 800 penerima Bantuan Am Persekolahan sebanyak RM200 seorang yang membabitkan jumlah keseluruhan RM1.6 juta.



NIZAM (depan, tengah) bersama wakil-wakil penerima Bantuan Zakat Khas MAIWP-INSANI pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar MAIWP bagi tahun 2021 di Dewan Utama Kompleks Darul Kifayah MAIWP Labuan, baru-baru ini.

"Bagi penerima Bantuan Am Pelajaran IPT MAIWP telah memperuntukan sejumlah RM205,000 yang memberi manfaat kepada 410 penerima yang akan menerima

bantuan ini sebanyak RM500 seorang.

"MAIWP turut menyalurkan dana peruntukan kepada 31 buah Sekolah Rendah Agama dan

KAFA di Wilayah Persekutuan Labuan bagi pembiayaan program dan aktiviti pelajar asnaf serta penambahbaikan infrastruktur sekolah berjumlah RM930,000

Projek naik taraf Masjid An-Nur siap dengan kos RM2.6 juta

PROJEK kerja-kerja naik taraf dan ubah suai Masjid Jamek An-Nur telah siap sepenuhnya yang melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM2.6 juta.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), **Mohd Nizam Yahya** berkata projek naik taraf dan ubah suai yang bermula Ogos 2019 itu melibatkan pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, bilik kuliah, auditorium.

"Dengan telah siapnya kerja-kerja ubah suai dan

naik taraf ini, Masjid Jamek An-Nur kini mempunyai empat bilik kelas untuk golongan mualaf bagi mereka belajar serta mendalamai agama Islam dan ianya akan memberikan mereka satu tempat yang kondisif.

"Antara lain menjadikan Masjid Jamek An-Nur menjadi ceria sebagai masjid negeri dan selepas ini MAIWP akan melihat aspek lain jika ada keperluan yang lain dan kita akan bantu," katanya kepada pemberita semasa Majlis Penyerahan Siap Kerja Projek Naik Taraf Dan Ubah Suai Masjid Jamek

An-Nur, pada Ahad lalu.

Pada majlis itu, Mohd Nizam menerima simbolik penyerahan kunci daripada kontraktor dan seterusnya beliau turut menyerahkan replika cek bagi kos keseluruhan kerja-kerja naik taraf dan ubah suai kepada wakil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Labuan.

Hadir sama, Pengurus Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah MAIWP, Abd Karim Mohamed dan Pengurus MAIWP Labuan, Md Fadzli Md Saad. **WK**



MOHD Nizam (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek perbelanjaan kerja-kerja naik taraf dan ubahsuai Masjid Jamek An-Nur kepada wakil JAWI Labuan.



RITHUAN (kanan) mendengar taklimat sistem pemeriksaan imigresen daripada Pengarah JIM Labuan pada lawatan ke Terminal Feri Ro-Ro, baru-baru ini.

Pemeriksaan imigresen secara pandu lalu dilaksana mulai Disember ini

JABATAN Imigresen Malaysia (JIM) Labuan bakal melaksanakan pemeriksaan imigresen secara pandu lalu di pintu masuk utama terminal bermula awal Disember.

Menurut Pengarahnya, **Raymond Anak Entalai**, pelaksanaan pemeriksaan secara pandu lalu itu bertujuan memantapkan lagi sistem pemeriksaan imigresen serta memudahkan para penumpang.

"Kita akan menyediakan dua kaunter pemeriksaan pandu lalu di lokasi yang sesuai dan pelaksanaan ini diberikan khusus kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menaiki kenderaan dan pemeriksaan itu hanya diwakili oleh pemandu sahaja."

"Pelaksanaan akan dibuat pada awal Disember dan setakat ini pihak kami telah mempunyai tujuh kaunter bagi melancarkan lagi pemeriksaan imigresen," katanya kepada pemberita selepas mengiringi lawatan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail di kaunter imigresen di Terminal Feri Ro-Ro, baru-baru ini.

Sementara itu, Rithuan berkata dengan pelaksanaan pemeriksaan secara pandu lalu itu akan membantu melancarkan aliran trafik di terminal dan memudahkan urusan penumpang feri.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas mempertimbangkan rungutan orang ramai yang menggunakan terminal ini untuk ke tanah besar Sabah.

"Kami menerima aduan berterusan daripada pelancong berhubung dasar baharu yang dilaksanakan sejak hari pertama pelaksanaannya dan kami faham keadaan itu disebabkan ruang yang terhad di bangunan terminal serta jalan sempit menuju ke feri."

"Hasil daripada tinjauan bersama pihak JIM serta beberapa pegawai dari jabatan yang berkaitan telahpun membuat keputusan itu bagi memberikan keselesaan kepada pengguna feri" katanya.

Dalam perkembangan sama, Rithuan turut memaklumkan kaunter penjualan tiket yang berada di dalam kawasan terminal bakal dipindahkan ke kawasan luar.

WK

dengan agihan RM30,000 bagi setiap sekolah.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar MAIWP bagi tahun 2021 di Dewan Utama Kompleks Darul Kifayah MAIWP Labuan, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Nizam turut menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kesemua pembayar zakat yang telah membantu pihaknya dalam membantu serta membela nasib golongan asnaf di Wilayah Persekutuan.

Hadir sama, Pengarah Sektor Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Kamariah Salim dan Pengurus Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah MAIWP, Ir Abd Karim Mohamed.

Turut sama, Pengurus MAIWP Labuan, Md Fadzli Md Saad dan beberapa wakil daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM193



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM193".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 DISEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 195.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 191

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM191:

TUAH AKIF ASYRAF AFANDI
(12 tahun)
Presint 9, Putrajaya

NUR MEDINA SYAFIRAH MUSTAFA
KAMAL
(9 tahun)
Segambut, Kuala Lumpur

MIKAEL HAQEEMI MOHD HANIFI
(10 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan



Karya Adik Tuah Akif

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK191:


MOHD RIDZUAN MAT ZIN
(42 tahun)
Puchong, Selangor

SITI NORBAYA ABDUL HALIM
(33 tahun)
Datuk Keramat, Kuala Lumpur

MEGAT HAIQAL MEGAT ISKANDAR
(48 tahun)
Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur



TEKA SILANG KATA SK193

**MELINTANG**

1. Prasangka
6. Penolong/wakil
8. Negara Timur Tengah
9. Teriak/jerit
11. Menyapu permukaan
12. Nama timang-timangan anak keempat/kelima
14. Sejenis tumbuhan
15. Penyesuaian dalam keadaan baru/berbeza

KE BAWAH

1. Pemandangan
2. Puisi panjang menceritakan kepahlawanan seseorang
3. Percubaan
4. Sendi kata pemberian/sumber
5. Hati/sukma
7. Membalas/melindungi
10. Pengangkutan air
13. Meminta kepada Tuhan

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK193".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 DISEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 195.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

BaKaT CiliK

Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Terokai nostalgia 100 tahun lalu di Kwai Chai Hong




FOTO: ARIFF AZMAN
DIANA AMIR

SEPERTI di kebanyakan negeri lain, terdapat banyak lorong-lorong yang telah ditransformasi sebagai lokasi bergambar dengan lukisan mural yang menarik perhatian.

Sebagai contoh Penang Art Street, Lorong Seni Seremban, Laman Seni 7 Shah Alam, Ilham Seni @ Kampar dan banyak lagi.

Kuala Lumpur juga tidak ketinggalan di mana di sekitar

Jalan Petaling terdapat satu lorong seni iaitu Kwai Chai Hong yang menempatkan lukisan mural dan sejarah lama lorong berkenaan.

Kwai Chai Hong dalam bahasa kantonis pasar bermaksud 'lorong hantu kecil' namun ketika tinjauan Wilayahku baru-baru ini, lorong yang ada di hadapan penulis sedikit pun tidak menimbulkan rasa seram malah suasana sekeliling begitu cantik dengan lukisan mural warisan Cina yang menceritakan keadaan pada 100 tahun dahulu.

Terletak antara Lorong Panggung dan Jalan Petaling di kota metropolitan Kuala Lumpur, lorong sepanjang kira-kira 36 meter itu memperlihatkan 10 bangunan

sebelum perang telah diberi nafas baharu tanpa mengubah struktur bangunan yang lama.

Melangkah masuk ke Kwai Chai Hong, pengunjung akan melalui jambatan merah di mana terdapat lukisan mural sepasang kekasih.

Berjalan lebih jauh ke dalam kawasan Kwai Chai Hong, pengunjung akan disajikan dengan beberapa lukisan mural lain seperti seorang lelaki tua bermain alat muzik tradisional Cina 'er-hu', kanak-kanak bermain guli, penulis surat, kedai kopitiam, tukang gunting rambut dan pemilik rumah sewa.

Apa yang menarik, di setiap lukisan mural terdapat kod QR interaktif yang tersendiri. Pengunjung boleh mengimbasnya, bagi mendengarkan dialog dan bunyi-bunyian untuk setiap cerita mural tersebut.

Dengan ini, pengunjung yang datang boleh merasai dan mengalami sendiri pengalaman yang berlaku sewaktu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, ia dirakam dalam bahasa Cina Kantonis. Namun, anda tidak perlu khawatir kerana ia masih mempunyai terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Selain bangunan pra perang, ia juga turut mengekalkan tiang lampu tertua Kuala Lumpur yang dipercayai digunakan pada tahun 1903 hingga 1904 ketika elektrik pertama tiba di ibu kota.

LOKASI INSTAGRAMMABLE

Di zaman moden ini, setiap yang tular di media sosial pasti akan mendapat perhatian warganet dan Kwai Chai Hong turut menerima tempias apabila menjadi lokasi hot spot buat golongan muda terutamanya untuk merakamkan gambar terbaik.

Menurut **Muhammad Nurazizi Ramli**, 22, dirinya juga mengetahui mengenai tempat ini menerusi platform TikTok dan menjadikannya sebagai lokasi pilihan untuk sesi fotografi sempena majlis konvoikesennya bersama rakannya.

"Tempat ni ada keunikan tersendiri dan kebetulan kami memang mencari lokasi yang bertemakan vintaj jadi kat sini paling sesuai."

"Bangunan lama, lukisan mural yang menunjukkan masyarakat cina pada zaman dahulu serta pokok-pokok kehijauan semestinya memberi aura 'old school', katanya kepada Wilayahku."

Dalam pada itu, **Nursyazlin Mohmad Samiri**, 22, turut mengakui lorong yang dahulunya terbiar namun kini menjadi lokasi *instagrammable* ini wajib dikunjungi bersama rakan, pasangan mahupun keluarga.

"Memandangkan kita pun duduk di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur jadi bagi mereka yang inginkan 'vibes old school' boleh datang ke sini dan rasai sendiri pengalaman meneroka perkampungan cina pada suatu ketika dahulu/kongsinya yang pertama kali mengunjungi lokasi tersebut. **WK**



Info Kwai Chai Hong

Lokasi: Lorong Panggung, City Centre, 50000 Kuala Lumpur

Operasi: 9 pagi hingga 12 tengah malam

Media sosial: **Instagram** dan **Facebook: @kwaichaihong**



Pasukan Dragon Boat PPj rangkul tiga anugerah PIDBF 2022



SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya Dragon Boat (PPjDB) merupakan antara pasukan yang menyerlah apabila berjaya merangkul tiga anugerah dalam Penganjuran Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang (PIDBF) 2022 baru-baru ini.

Jurulatih pasukan PPjDB, Mohd

Azli Ariffin

menyifatkan kemenangan pasukannya dalam PIDBF 2022 adalah berkat daripada kerja keras, usaha dan disiplin yang tinggi dipamerkan oleh semua pemain.



MOHD AZLI

"Alhamdulillah kami berjaya membawa pulang tiga anugerah iaitu 2nd Runner Up International Premier Open, 5th Runner Up International Premier Women dan 5th Runner Up International Premier Mixed. Bagi saya, untuk menjuarai sesuatu pertandingan, para pemain perlu sentiasa berusaha meningkatkan prestasi serta memperbaharui rekod peribadi secara optimum tidak kira



TIM PPjDB mendayung dengan penuh semangat ketika PIDBF 2022 baru-baru ini.

dalam apa jua sukan sekalipun. Saya amat mementingkan latihan secara konsisten setiap hari kerana dengan latihan, kerja keras, usaha dan fokus, saya yakin kita semua akan berjaya.

"Untuk pasukan PPjDB sendiri,

sekiranya ada kejohanan yang bakal disertai, kami akan meningkatkan dan mempergiatkan latihan sebanyak tiga kali seminggu (tiga bulan terakhir) manakala latihan pada setiap hari akan dilaksanakan

pada sebulan terakhir sebelum kejohanan berlangsung.

"Berkenaan isu jaminan kemenangan pula, sekiranya semua ahli konsisten memberi komitmen dan disiplin terhadap latihan, sudah pasti kita mampu peroleh kejayaan," tambahnya sokongan padu daripada pihak pengurusan juga merupakan antara pendorong dalam menyemarakkan semangat perjuangan pasukan untuk mengejar kejayaan.

Terdahulu, PIDBF 2022 terpaksa ditangguhkan selama beberapa tahun susulan penularan pandemik COVID-19 dan kali ini telah berjaya menarik penyertaan 42 pasukan dari tujuh negara.

Selain itu, Mohd Azli memaklumkan penyelarasan dan kerjasama dalam sesebuah pasukan amat penting untuk mencipta kejayaan.

"Ada ahli yang kuat dalam pasukan tidak menjamin kejayaan. Kami perlu bersaing bersama-sama dan seimbang bagi memastikan perahu kami bergerak laju. Selain sesi latihan di tasik, kami juga menggalakkan rakan sepasukan untuk melakukan senaman di mesin mendayung di gim untuk meningkatkan kekuatan otot dan daya ketahanan."

"Di samping itu, perkara yang sering saya ingatkan kepada mereka adalah sekiranya ingin dihormati, mereka perlu hormati

orang lain terlebih dahulu, *insya-Allah* penghormatan yang bakal diperolehi melangkaui dari apa yang diharapkan dan yang paling penting adalah jangan tinggal solat. *Alhamdulillah* perkara-perkara ini telah mengekalkan kewujudan pasukan ini yang telah menjangkau 18 tahun usia penubuhannya," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut mengenai rutin harian latihan pasukan PPjDB, Mohd Azli memberitahu latihan akan diadakan pada setiap hari Selasa dan Khamis tanpa mengira waktu sama ada pasukan terlibat dalam sebarang kejohanan ataupun tidak.

"Setiap kali selepas perlawanan, semua pendayung akan berehat dalam tempoh dua hingga tiga minggu sebelum memulakan kembali rutin latihan kami pada setiap hari Selasa dan Khamis bermula pukul 6 hingga 7 petang. Tidak akan ada kompromi," ujarnya dalam perlumbaan sejauh 400 meter di Empangan Teluk Bahang itu telah mengajar pasukannya untuk meletakkan kepercayaan dalam diri masing-masing di samping bersama-sama beradu tenaga untuk memastikan kemenangan menjadi milik mereka.

Sementara itu, Mohd Azli berharap pasukannya dapat memberikan persembahan terbaik dalam kejohanan antarabangsa yang akan dilaksanakan di Putrajaya sekitar bulan Mac 2023. **W.K**

Putrajaya dilimpahi cahaya indah solidariti Palestin

SOLIDARITI. Kezaliman rejim Zionis terus-terusan memberi kesengsaraan kepada seluruh rakyat Palestin tanpa mengira usia sememangnya melanggar hak asasi manusia sekali gus menarik perhatian dunia.

Lebih memilukan, sehingga kini dentuman letupan bom dan tembakan masih kedengaran di bumi Palestin malah kebanyakan mereka terbunuh dan didera mental juga fizikal tanpa sedikit rasa belas kasihan.

Namun perjuangan mereka mempertahankan keluarga dan tanah air tercinta tidaklah dipandang sepi. Malah beberapa negara di dunia juga turut menunjukkan tanda solidariti melalui

pelbagai cara antaranya dengan pancaran lampu berwarna bendera Palestin.

Sehubungan itu, pada 29 November lalu, Jambatan Seri Saujana di Presint 4, Putrajaya disinari pancaran cahaya lampu tiga warna iaitu merah, hijau dan putih melambangkan bendera negara Palestin sempena Hari Peringatan Solidariti Dunia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Orang ramai juga mengambil peluang berswafoto berlatarbelakangkan keindahan cahaya lampu berwarna-warni dan berkongsi kenangan di media sosial menggunakan tanda *hashtag* #PalestineDay. **W.K**



CAHAYA lampu bendera Palestin mewarnai Jambatan Seri Saujana, Presint 4, Putrajaya baru-baru ini.

HARI TERBUKA

PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN PUTRAJAYA 2022

TARIKH
10 - 11 DISEMBER 2022

MASA
9.00PAGI - 5.00PETANG

LOKASI
KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 11, PUTRAJAYA

I DIS 2022

- Pertandingan Domino Braille
- Pertandingan Karom
- Pertandingan Jumanji
- Pertandingan Teka M/S Buku
- Program Senam Tari Bersama Warga Emas
- Sukaneka RokYat
- Kounter Khidmat Pelanggan
- Ekspo Jualan Buku & Pameran

IMBAS QR CODE

II DIS 2022

- Pertandingan Mewarna & Mencipta Poster
- Pertandingan Mereka Bentuk Blok
- Pertandingan Teka M/S Buku
- KidKlia Craft & Workshop Activities
- Kounter Khidmat Pelanggan
- Ekspo Jualan Buku & Pameran

Didi & Friends

Persembahan Maskot Didi & Friends Ahad 11 Dis 2022
12.00 - 12.30 T.Hari 4.30 - 5.00 Petang

www.ppk.ppj.gov.my
perpustakaanputrajayaarsmi

Tidak hirau soal gaji

Akmal Zaidi sedia berhijrah ke luar negara



AKMAL Zaidi ketika Kejohanan Kriterium Majlis Bandaraya Subang Jaya Oktober lalu.

SABRINA SABRE

BIARPUN baru berusia 22 tahun, namun atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Akmal Zaidi Mohd Zaini, berasam mahu mencipta kejayaan unggul dalam dunia berbasikal antarabangsa.

Pernah mewakili negara dalam Kejohanan Grand Prix Antalya di Turkey pada tahun 2020, atlet kelahiran Kuala Lumpur ini menyifatkan ia merupakan pengalaman yang paling manis baginya.

"Itu merupakan kejohanan ketiga saya diletakkan di bawah kategori elit. Biarpun hanya berjaya menduduki tempat ke-19 namun ia sudah memadai kerana ketika itu banyak perkara yang dapat dipelajari."

"Trek di sana lebih menantang dari Malaysia selain faktor cuaca yang sejuk. Semasa sesi



latihan, oleh kerana cuaca terlambau sejuk, tangan menjadi keras. Namun segala yang berlaku sepanjang tempoh itu cukup bermakna bagi saya," ujarnya sebagai seorang atlet, dia perlu bersiap sedia dari segi mental dan fizikal agar tidak gentar semasa perlawanan berlangsung.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, Akmal Zaidi memberitahu dia sedia mempertimbangkan tawaran dari kelab luar negara tanpa menghiraukan gaji yang ditawarkan.

"Ada pemain kita yang tolak tawaran bermain di sana kerana beberapa faktor. Namun bagi saya, ia merupakan peluang terbaik kerana membantu memberi pendedahan kepada atlet itu sendiri," ujarnya yang mempunyai impian untuk beraksi di luar negara bagi meningkatkan tahap permainannya.

Meningkap permulaannya dalam sukan tersebut, anak kedua daripada empat orang adik-beradik ini berkata minat tersebut mula hadir sejak usia 12 tahun yang mana ketika itu dia sedang menonton perlawanan di televisyen bersama keluarga.

"Sudah hampir 10 tahun saya berkecimpung dalam sukan ini, setiap kali berbasikal pasti saya rasakan ketenangan dan ia merupakan cara terbaik untuk menghilangkan stres."

"Sukan ini juga membuatkan saya berasa lebih dekat dengan alam semula jadi kerana boleh menikmati pemandangan yang indah. Disebabkan itu saya sayang untuk meninggalkan dunia berbasikal ini," ujarnya yang menjadikan atlet berbasikal Slovenian, Tadej Pogacar sebagai idola kerana semangat juang tinggi yang ada dalam diri lelaki itu.

Berhasrat untuk beraksi di Sukan SEA suatu hari nanti,

Pencapaian Akmal Zaidi

2022 - Sukan Malaysia - Tempat Ketiga

2020 - Grand Prix Antalya Turkey - UCI

2019 - Tour de Singkarak Indonesia - UCI

2019 - Tour de Selangor - UCI

bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Kuala Lumpur ini sentiasa fokus kepada impianinya itu.

"Insya-Allah saya akan pastikan apa yang dihajati tercapai. Saya meletakkan sasaran untuk muncul top 3 dan disebabkan itu juga, saya kini giat menjalani latihan hampir setiap hari," ujarnya kepada Wilayahku. WK

Aaron Chia-Wooi Yik sudah bersedia untuk ke Bangkok minggu depan

PENYANDANG juara dunia beregu lelaki, Aaron Chia-Soh Wooi Yik sudah bersedia untuk beraksi di Kejohanan Jelajah Dunia Akhir Persekutuan Badminton Dunia (BWF) 2022 di Bangkok, Thailand minggu depan.

Aaron berkata persiapan untuk kejohanan terakhir mereka tahun ini berjalan dengan baik, namun ketika ini beliau enggan menyatakan sasaran beliau dalam kejohanan itu.

"Kami sudah bersedia untuk ke Jelajah Dunia Akhir BWF 2022 minggu depan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Antara yang turut akan bersaing di Bangkok nanti ialah pasangan nombor satu dunia dari Jepun, Takuro Hoki-Yugo Kobayashi, Mohammad Ahsan-Hendra Setiawan (Indonesia), Liu Yu Chen-Ou Xuan Yi (China) dan gandingan profesional Malaysia, Ong Yew Sin-Teo Ee Yi.

Pengarah Kejurulatihan Beregu Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Rexy Mainaky sebelum ini dilaporkan berharap Aaron-Wooi Yik serta pasangan beregu wanita nombor satu negara Pearly Tan-M Thinaah dapat melepassi saingan peringkat kumpulan di kejohanan itu

nanti.


Sementara itu Aaron-Wooi Yik yang merupakan pasangan beregu lelaki keempat dunia, turut dicalonkan untuk Anugerah Pasangan Terbaik Persekutuan Badminton Dunia (BWF) bagi 2022.

Bagi anugerah berkenaan, pasangan yang memenangi pingat gangsa Sukan Olimpik Tokyo 2020 itu akan bersaing dengan juara dunia beregu wanita, Chen Qing Chen-Jia Yi Fan (China), juara dunia beregu campuran 2021, Dechapol Puavaranukroh-Sapsiree Taerattanachai (Thailand) dan penyandang juara dunia beregu campuran Zheng Si Wei-Huang Ya Qiong (China).

Majlis anugerah itu akan diadakan pada hari Isnin (5 Disember) sempena Majlis Makan Malam Gala BWF World Tour Finals 2022 di Bangkok.

Kejohanan BWF World Tour Finals yang menawarkan hadiah wang berjumlah US\$1,500,000 itu akan berlangsung di Arena Nimibutr dari 7 hingga 11 Disember. - BERNAMA

PASANGAN beregu negara, Aaron (kiri) dan Wooi Yik (kanan) turut tercalon dalam Anugerah Beregu Terbaik BWF 2022.



PARANG Abai (dua kiri) bersama ahli pasukannya menunjukkan pingat perak yang dimenangi dalam Pertandingan Golf Berpasukan PPTD Skim M baru-baru ini.

Pasukan Golf KWP muncul naib johan pertandingan golf

HAZIRAH HALIM

TAHNIAH. Pasukan Golf Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) muncul naib johan dalam Pertandingan Golf Berpasukan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Skim M baru-baru ini.

Pada pertandingan tersebut, pasukan golf KWP yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Parang Abai @ Thomas berjaya mendapat pingat perak bersama dua lagi ahli pasukannya iaitu Setiausaha

Bahagian Pengurusan Pembangunan KWP, Datuk Nor Muhamad Che Dan @ Che Din dan Setiausaha Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal, Wan Ashbi @ Wan Maheran Leman.

Khabar gembira yang dikongsi menerusi hantaran di laman Facebook KWP pada 29 November (Selasa) lalu dihujani ucapan tahniah.

Lebih membanggakan, pasukan itu turut meraikan kejayaan apabila Datuk Parang Abai @ Thomas turut berjaya merangkul johan pertandingan golf PPTD bagi kategori individu. WK

Orkestra Upin & Ipin pukau lebih 4,000 warga kota

LEBIH 4,000 warga kota terutama kanak-kanak terhibur dengan Konsert Orkestra Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal yang menampilkan karektor 'dua kembar bersaudara' itu di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana pada Sabtu.

Tirai persembahan dibuka dengan lagu Gembira Bermain diiringi Orkestra Kuala Lumpur (OKL) yang dianggotai seramai 62 orang pemuzik dan dipimpin oleh Norman Ong serta kumpulan koir daripada murid-murid Sekolah Kebangsaan Taman Megah, Petaling Jaya.

Konsert ini adalah dari runut muzik filem Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal merupakan filem box office atau pecah panggung pada tahun 2019 dan telah memenangi beberapa anugerah antarabangsa

serta disenarai pendek dalam Anugerah Oscar 2020.

Di konsert ini juga, maskot Upin & Ipin turut membuat penampilan istimewa dengan persembahan tarian serta silat bersama-sama Artis Budaya DBKL dan turut mendendangkan lagu yang sememangnya menjadi siulan kanak-kanak di Malaysia dan juga Indonesia seperti Keris Sakti, Buai Laju-Laju yang merupakan lagu tema Filem Upin & Ipin - Keris Siamang Tunggal, Goyang Upin & Ipin; dan Upin & Ipin Luar Biasa.

Hadir sama ke konsert tersebut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah serta wakil kedutaan besar Indonesia.

Konsert anjuran bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Les Copaque Production Sdn

Bhd bertujuan untuk memberikan hiburan berkualiti kepada kanak-kanak serta seisi keluarga dan ia dilangsungkan dalam dua fasa. Persembahan pertama bermula pada pukul 5 petang manakala persembahan kedua pada pukul 8 malam.

Yang jelas, karakter Upin dan Ipin ini memberikan kegembiraan kepada kanak-kanak yang menyaksikan konsert berkenaan, malah mereka turut menyanyikan lagu serta menari bersama-sama sekali gus mewarnai konsert tersebut.

Pujian juga harus diberikan kepada pemuzik Orkestra Kuala Lumpur yang berjaya memperkenalkan persembahan bertentara, berkualiti setanding orkestra antarabangsa yang lain. **WK**



KANAK-KANAK tidak melepaskan peluang untuk menari bersama-sama ketika Konsert Orkestra Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal Ahad lalu.



WATAK animasi Upin & Ipin sangat popular di Malaysia dan Indonesia.



DEEL ANJER

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) telah melaksanakan tindakan drastik Pelan Tebatan Banjir Kilat KL 2022 bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur.

KWP melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta agensi terlibat telah memaksimumkan operasi dan langkah-langkah penyelesaian pantas dengan kadar segera.

Sebagai rakyat yang bermastautin di Kuala

Lumpur, selebriti serba boleh, **Izzue Islam**, 32, mengakui merasai perubahan setelah beberapa langkah telah diambil kerajaan.

"Siapa ingat Disember tahun lepas kalau tak silap, teruk juga la banjir kat Kuala Lumpur ni. Disebabkan banjir besar tahun lepas, DBKL dan KWP laksanakan 12 pelan tindakan jangka pendek banjir ini."

"Hasilnya, dari 31 hot spot banjir sebelum ni hanya tinggal tiga saja lagi hot spot yang kadang-kadang naik air bila hujan berterusan. Hati-hati ya korang musim-musim hujan ni," kongsi Izzue menerusi Instagramnya.

Izzue juga membuat satu hantaran

di Instagram dengan memuat naik video yang memaparkan 12 Pelan Tindakan Jangka Pendek Banjir di Kuala Lumpur.

"Antaranya adalah menempatkan petugas warden trafik di kawasan yang ditetapkan. Ini penting untuk kesiapsiagaan menghadapi banjir. Kerajaan juga telah melebar dan menambah scupper drain bagi memudahkan air mengalir ke sistem perparitan. Jadi tak adalah air bertakung."

"Bukan itu sahaja, DBKL juga telah membuat pemasangan pam air mudah alih bertujuan untuk memindahkan air ke kawasan lain. Ini idea menarik yang boleh dicontohi oleh tempat-tempat lain.

"Aktiviti yang sering dilakukan seperti pembersihan dan naik taraf longkang juga adalah langkah yang bijak. Ia berperanan untuk melancarkan laluan air ke sistem perparitan," ujar Izzue lagi.

Tambahnya lagi, kerajaan juga turut melakukan pengorekan kelodak dan pembersihan kolam takungan dan sungai bagi mengekalkan kapasiti kolam takungan.

"Pemasangan flap gate, meletakkan guni pasir serta mesej amaran banjir kilat melalui aplikasi MOBIS juga antara langkah yang sangat berkesan dalam mengatasi banjir di Kuala Lumpur," ujarnya. **WK**



MELLY bersama suaminya melawat pusara Allahyarham P Ramlee dan Allahyarhamah Saloma di Tanah Perkuburan Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

P Ramlee genius musik, beri inspirasi pada Melly

PENYANYI dan juga komposer terkenal Indonesia, **Melly Goeslaw** meluangkan masa sekitar setengah jam menziarahi makam Seniman Agung Nusantara, Allahyarham Tan Sri P Ramlee dan Allahyarhamah Saloma di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Meskipun tidak pernah kenal secara langsung, kami mempunyai tenaga yang sama dalam menghasilkan karya supaya kelak dikenang sebagai sesuatu yang indah dalam kehidupan," kata komposer lagu-lagu terkenal seperti Ketika Cinta Bertasbih, Mungkin, Jika, Gantung, Ku Bahagia dan Ada Apa Dengan Cinta.

Melly berkata demikian dalam satu hantaran yang dimuat naik di Instagramnya pada Selasa lalu.

Dalam hantaran sama, Melly berkata beliau akan membuat konsert di Kuala Lumpur pada tahun hadapan. **WK**

"Saya terlalu kagum dengan karyanya yang genius, begitu ju-